AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

DARIPADA Abi Hurairah Radiallahuanhu berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia bercakap dia berdusta dan apabila dia berjanji dia memungkiri dan apabila dia diberi amanah dia telah mengkhianati". (Hadis Riwayat al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 130 | 30 OKTOBER 2023 / 1445 ربيع الأخر 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERKAHWINAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Qayyum bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir dengan Yang Mulia Dayang Batrisyia Rafhanah binti Rapawi. - Foto : Masri Osman (*Lihat muka 3 hingga 4*)**

# Amalkan hidup sihat, cegah penyakit strok

**Oleh : Aimi Sani**

**SALAMBIGAR**, Ahad, 29 Oktober. - Strok boleh menyebabkan kerosakan otak yang berpanjangan, hilang upaya jangka panjang atau kematian dan merupakan punca kematian ke-4 di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hari Strok Sedunia yang diadakan setiap 29 Oktober bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan mengenai strok.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hari Strok Sedunia 2023, Dr. Lee Chooi Lynn semasa melancarkan Hari Strok Sedunia bertempat di ruang legar Aras Bawah, OneCity Shopping Centre, Jalan Sungai Hanching, di sini.

Menurut Dr. Lee Chooi Lynn, strok terjadi apabila sel-sel otal mati atau cedera disebabkan oleh saluran darah ke otak terjejas, sama ada disebabkan oleh pembuluh darah tersumbat oleh darah beku ataupun pembuluh darah pecah dan terjadinya pendarahan.

Antara objektif utama Hari Strok Sedunia 2023 diadakan antaranya adalah diharap orang ramai akan mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat untuk mencegah strok.

**>> Muka 8**

# Malam Munajat terap iktibar daripada Surah ad-Dukhan

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**SENGKARAI**, Ahad, 29 Oktober. - Majlis Perhimpunan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diadakan baru-baru ini dengan tumpuan utama di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.

Majlis Malam Munajat anjuran KHEU Ke-109 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kali ini adalah secara fizikal dengan kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman serta Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

**>> Muka 6**

# Kira-kira 400 kes strok baharu direkodkan setiap tahun

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 Oktober. - Strok terjadi apabila sel-sel otak mati atau cedera disebabkan oleh saluran darah ke otak terjejas sama ada disebabkan oleh pembuluh darah tertutup atau tersumbat oleh darah beku ataupun pembuluh darah pecah dan terjadinya pendarahan.

Strok boleh menyebabkan kerosakan otak yang berpanjangan, hilang upaya jangka panjang atau kematian.

Di seluruh dunia, terdapat 12 juta serangan strok baharu setiap tahun. Ini bersamaan dengan satu mangsa strok bagi setiap tiga saat.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Strok Sedunia 2023.

**>> Muka 7**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



GERHANA bukti keagungan Allah Subhanahu Wata'ala

Muka 10




JPAKK, JJK kukuhkan rangkaian kerja bersama BDMD

Muka 12



TINGKATKAN kesedaran profesion Pemulihan Cara Kerja

Muka 18




PEJABAT Pos berfungsi sebagai satu wadah komunikasi

Muka 21

PELITA BRUNEI

# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI REPUBLIK TÜRKIYE KE-100 TAHUN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan, kerajaan dan rakyat Republik Türkiye bersempena dengan Hari Republik Türkiye yang Ke-100 Tahun.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.**

# Berkenan menghantar titah perutusan takziah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang berikutan dengan meninggalnya mantan Premier Republik Rakyat China, Li Keqiang.

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 | ISNIN | 15 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.03 | 7.13 |
| 31 | SELASA | 16 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 1 NOVEMBER | RABU | 17 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 2 | KHAMIS | 18 | 4.36 | 4.46 | 6.05 | 6.28 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 3 | JUMAAT | 19 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 4 | SABTU | 20 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |
| 5 | AHAD | 21 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.29 | 12.05 | 3.25 | 6.02 | 7.13 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

30 OKTOBER 2023

# Teroka bidang keusahawanan, rangsang ekonomi negara

MENEROKAI bidang keusahawanan merupakan salah satu langkah atau strategi untuk mengurangkan kadar pengangguran. Dalam pada yang sama, ia juga mampu meningkatkan ekonomi negara sama ada dalam peringkat domestik atau luar negara.

Melalui keusahawanan ini juga sudah pasti mampu meningkatkan pembangunan hidup seseorang itu dan yang penting adalah kejujuran dan amanah dalam berniaga.

Sebelum terjun ke dunia keusahawanan, kita perlu belajar dan menimba ilmu dalam bidang keusahawanan ini.

Pada Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-35, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, menggalakkan para graduan supaya tidak jemu-jemu meneroka peluang keusahawanan.

Bidang ini tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mampu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang-peluang baharu perniagaan dan pekerjaan.

Melalui petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dapat disimpulkan bahawa bidang keusahawanan ini sangat penting dan mampu memberikan impak yang besar kepada diri sendiri dan juga negara.

Pada masa ini, pelbagai sumber-sumber yang boleh dipercayai untuk dijadikan tempat untuk menuntut ilmu keusahawanan.

Darussalam Enterprise (DARe) telah memperkenalkan pelbagai program yang membantu usahawan tempatan dan salah satunya adalah Program Micro Bootcamp.

Program ini merupakan program latihan keusahawanan selama empat minggu oleh DARe untuk membantu individu yang mempunyai idea perniagaan untuk memulakan perjalanan perniagaan mereka dengan mempelajari asas-asas perniagaan.

Peserta akan mempelajari pengaturan Bisnis Strategik, Pemasaran dan Pembiayaan, serta akan menerima bimbingan perniagaan.

Micro Bootcamp ini dibukakan kepada mana-mana individu yang berminat untuk mempelajari dan memulakan perniagaan mereka sendiri.

Program ini telah membantu memperkasa 400 perusahaan tempatan, untuk memulakan perjalanan keusahawanan mereka dengan menyediakan latihan dalam asas perniagaan sejak penubuhannya pada tahun 2018.

Oleh itu, dalam dunia yang serba mencabar ketika ini, kita perlu sentiasa bersedia dalam apa jua keadaan untuk menghadapi cabaran dari segi ekonomi.

Kita sebagai rakyat Brunei juga memainkan peranan dalam mengembangkan dan mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan menceburi bidang keusahawanan yang berdaya tahan sekali gus menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berkenan berangkat ke Majlis Perkahwinan





**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Qayyum bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir dengan Yang Mulia Dayang Batrisyia Rafhanah binti Rapawi (atas dan atas kiri).**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERIBI,** Ahad, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Qayyum bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir dengan Yang Mulia Dayang Batrisyia Rafhanah binti Rapawi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Baitul Athirah dijunjung oleh bonda pengantin lelaki, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Haffiz bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir.

**>> Muka 4**





**BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain (atas dan kanan).**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta paduka-paduka anakanda baginda berangkat ke Majlis Bersanding bagi Majlis Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Qayyum dengan Yang Mulia Dayang Batrisyia Rafhanah.

**>> Muka 3**

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah serta kerabat diraja yang lain.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan menerima junjung ziarah daripada kedua-dua mempelai.

Pasangan pengantin Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Qayyum bin Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir dengan Yang Mulia Dayang Batrisyia Rafhanah binti Rapawi selamat dijabkabulkan pada Jumaat, 27 Oktober 2023.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada kedua-dua mempelai.





PASANGAN pengantin Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Abdul Qayyum dengan Yang Mulia Dayang Batrisyia Rafhanah (kanan), manakala gambar kanan sekali, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie.

# PESURUHJAYA KEHAKIMAN MAHKAMAH BESAR BAHARU ANGKAT SUMPAH







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar yang baharu, The Right Honourable Sir Peter Henry Gross (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Perintah Lantikan kepada Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar yang baharu, The Right Honourable Sir Peter Henry Gross.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan berangkat ke Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar yang baharu.

Upacara tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke upacara tersebut ialah paduka anakanda dan adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Majlis dimulakan dengan pembacaan Surat Perintah Lantikan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Diikuti dengan Upacara Mengangkat Sumpah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Judicial Commissioner of the Court of Appeal of Brunei Darussalam (Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar di Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam), The Right Honourable Sir Peter Henry Gross.

Turut hadir pada upacara tersebut ialah Penasihat Khas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim; Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli.



**TURUT berangkat, paduka anakanda dan adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.**

Pelita Brunei

# Malam Munajat terap iktibar daripada Surah ad-Dukhan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; jemputan-jemputan khas; penghulu-penghulu; ketua-ketua kampung serta para pegawai kanan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan.

Penyertaan daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada 88 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara juga telah menyemarakkan Majlis Perhimpunan Malam Munajat.

Di samping menghadiri secara fizikal, orang ramai juga mengikuti secara maya dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau *http://www.facebook.com/pdi.kheu*.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dukhan dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Tenaga Pengajar Ma'had Islam Brunei, Tutong, Awang Ahamad Muhammad@Munir bin Haji Ibrahim.

Seterusnya bacaan Doa Munajat oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis Perhimpunan Malam Munajat ini diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Iktibar dari Surah ad-Dukhan' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Asminan bin Haji Chuchu.

Antara inti pati tazkirah adalah kepentingan untuk memperteguhkan dan mempertingkatkan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, setiap individu perlu untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing iaitu tanggungjawab kepada diri sendiri, ahli keluarga, masyarakat dan juga kepada negara.



**MAJLIS Malam Munajat anjuran KHEU Ke-109 secara fizikal dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Tanggungjawab ini merangkumi perkara berkaitan agama, kemasyarakatan dan kenegaraan serta semua aspek berhubung kehidupan.

Di dalam Surah ad-Dukhan, Allah Subhanahu Wata'ala memulakan dan memperlihatkan kekuasaan-Nya dengan menurunkan Al-Quran, seterusnya sebagai peringatan dan pengajaran, Allah menceritakan tentang kisah kemenangan Nabi Musa Alaihissalam dan kekalahan di pihak Firaun serta peringatan kepada orang kafir Mekah yang mendustakan khabar yang disampaikan oleh Rasulullah.

Pada akhir surah, Allah Subhanahu Wata'ala menggambarkan tentang huru-hara Hari Kiamat dan menggambarkan keindahan dan kesenangan di Syurga. Semua ini adalah bertujuan untuk menimbulkan rasa insaf dan memberikan kesedaran bahawa hanya iman dan takwa sahaja yang akan dapat menyelamatkan seseorang daripada azab Allah Subhanahu Wata'ala.

Bacaan Selawat Allahu Rabbuna dipimpin oleh Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

Bagi memberkati Majlis Perhimpunan Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai Tutong, Awang Abdul Hafiy bin Haji Yahya.

# MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN KE-32 PENUBUHAN TAIB





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menyampaikan piala pusingan kepada johan Sukan Antara Rumah-rumah Kumpulan-kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB (TGOC) bagi Tahun 2023 yang dimenangi oleh Emerald dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas).**

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**GADONG,** Sabtu, 28 Oktober. - Sempena Memperingati Penubuhannya yang Ke-32 Tahun, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) malam tadi mengadakan Majlis Makan Malam Tahunan sempena Ulang Tahun Ke-32 Penubuhannya di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir ialah tetamu khas, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Penolong Mufti ('Ifta), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penasihat Syariah; serta pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, iaitu Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.; Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; dan TAIB Filing Station Sdn. Bhd.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menaruh keyakinan bahawa Perbadanan TAIB akan terus giat memantau dan memperbaiki lagi perancangannya demi memajukan misinya sebagai sebuah institusi kewangan yang boleh dipercayai untuk menunaikan amanah bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.

"Alhamdulillah tahun ini, kita terus melihat Perbadanan TAIB mengorak jalan ke hadapan dengan produk-produk baharu termasuk Kad Kredit TAIB yang menggunakan sistem Chip dan Pin, serta cara pembayaran digital baharu dalam bentuk Scan to Pay dan External Payment Interface.

"Perancangan jangka panjang bagi era digital ini juga diteruskan dengan usaha-usaha Perbadanan TAIB, untuk memainkan peranan utama, dalam inisiatif pihak kerajaan untuk menubuhkan sistem National Digital Payment Exchange (NDPX)," ujar Yang Berhormat.

Dengan segala persiapan dalaman yang sudah dicapai dari segi teknikal dan operasi, Yang Berhormat percaya Perbadanan TAIB sudah bersedia untuk menjadi perintis dalam sistem NDPX dalam masa terdekat ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, di samping perkembangan sistem digital, nilai-nilai teras Perbadanan TAIB melalui akronim CARES (Customer, Amanah, Respect, Excellence, Solutions) juga harus terus ditanai kerana ia membimbing bentuk budaya kerja dan menjaga kompas etika yang kukuh untuk mencapai misi dan visi Perbadanan TAIB.

Oleh itu tambah Yang Berhormat lagi, kita tidak boleh terlari daripada asas visi dan misi Perbadanan TAIB yang masih termaktub di dalam perkataan 'Amanah', bukan sahaja amanah dari segi memegang aset kewangan pelanggan, malah juga amanah budaya bekerja, dengan penuh ikhlas yang memenuhi ungkapan 'pekerjaan hebat, membawa pendapatan yang berkat'.

Sementara itu, Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim dalam ucapannya, berasa amat gembira dan berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Perbadanan TAIB di sepanjang 12 bulan yang lalu, dalam menguruskan pelaksanaan perancangan bagi menambah dan meningkatkan produk serta perkhidmatan baharu.

"Pencapaian setiap sasaran perancangan ini bukan sahaja membolehkan Perbadanan TAIB untuk berdaya tahan di dalam pasaran perkhidmatan kewangan Brunei, malah ia juga telah berjaya berkembang maju dalam menarik pelanggan-pelanggan baharu dan mengukuhkan visinya untuk menjadi rakan kongsi perkhidmatan kewangan yang dipercayai," ujarnya.

Acara kemuncak majlis berkenaan ialah penyampaian anugerah kepada juara keseluruhan Sukan Antara Rumah-rumah Kumpulan-kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB (TGOC) bagi Tahun 2023 yang dimenangi oleh Emerald.

Naib juara disandang oleh Citrine, manakala tempat ketiga diraih oleh Amethyst.

Penghargaan berkenaan tidak hanya mengiktiraf semangat sukan dalam organisasi, tetapi juga menekankan komitmen Perbadanan TAIB untuk memupuk semangat yang sihat dan bersaing dalam kalangan ahlinya.

Majlis malam berkenaan juga turut diserikan dengan persembahan tausyeh dan sketsa.

Sementara Perbadanan TAIB mengimbas kembali 32 tahun pencapaian cemerlangnya, organisasi berkenaan mengesahkan komitmennya untuk mengekalkan nilai-nilai integriti, kerjasama pasukan,dan kecemerlangan perkhidmatan.

Di samping untuk meraikan pencapaian, perpaduan dan semangat sukan, Majlis Makan Malam Tahunan berkenaan juga merupakan bukti kepada kekuatan ikatan dalam komuniti Perbadanan TAIB dan komitmen kukuhnya untuk menyumbang secara positif kepada negara.

# KIRA-KIRA 400 KES STROK BAHARU DIREKODKAN SETIAP TAHUN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Pertubuhan Strok Sedunia mencatatkan, 1 daripada empat orang dewasa yang berumur 25 tahun ke atas akan diserang strok sepanjang hayat mereka.

Strok juga tambah Yang Berhormat, bukan lagi penyakit yang sering menyerang warga emas mengambil kira 63 peratus mangsa strok adalah di antara mereka yang berumur di bawah 70 tahun.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) jelas Yang Berhormat, strok merupakan punca kematian keempat dan kira-kira 400 kes strok baharu direkodkan setiap tahun.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Hari Strok Sedunia disambut setiap tahun pada 29 Oktober dan pada tahun ini, tema Sambutan Hari Strok Sedunia 2023 ialah 'Together We Are #Greater Than Stroke', 'Bersama Kita #Lebih Daripada Strok', yang mana tema ini memfokuskan mengenai pencegahan strok dan menyeru agar setiap orang mengambil tindakan untuk memahami, mengenal pasti dan menangani risiko strok.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, marilah mengenali dan memahami strok serta faktor risikonya dalam sama-sama mencegah strok seperti strok dan tekanan darah tinggi, yang mana lebih separuh daripada semua strok dikaitkan dengan tekanan darah tinggi.

Tekanan darah tinggi atau tinggi secara konsisten ujar Yang Berhormat, menjadikan sistem peredaran darah iaitu jantung, arteri dan saluran darah bekerja lebih keras untuk menggerakkan darah ke seluruh badan.

Kerja tambahan ini terang Yang Berhormat, menyebabkan kerosakan yang boleh menjadikan saluran darah termasuk di dalam otak lebih sempit, pecah atau bocor dari masa ke masa, dan jika bekalan darah ke kawasan otak terputus atau terhad, ia boleh menyebabkan kerosakan otak kekal, atau kematian.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, strok dan kolesterol tinggi, yang mana lebih separuh daripada orang yang mempunyai tekanan darah tinggi juga mempunyai tahap kolesterol yang tinggi.

Kolesterol tambah Yang Berhormat, adalah bahan berlemak yang beredar dalam darah, dan jika tahap Kolesterol LDL (iaitu yang sering dipanggil 'kolesterol jahat') terlalu banyak ia akan berkumpul di dinding arteri (arteriosklerosis) dan boleh menyebabkan masalah dengan peredaran darah dan meningkatkan risiko strok.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan mengamalkan makan diet rendah lemak tepu dan senaman yang kerap boleh membantu mencegah arteriosklerosis kerana jika kolesterol tidak dapat diuruskan dengan perubahan diet, mengambil ubat untuk menurunkan kolesterol akan membantu mengurangkan risiko strok.

Strok dan berat badan yang berlebihan juga jelas Yang Berhormat, terutamanya di sekitar bahagian tengah badan, ditambah lagi dengan tekanan pada jantung dan organ lain boleh meningkatkan risiko tekanan darah tinggi dan diabetes, yang mana kedua-duanya ini meningkatkan risiko strok.

Strok dan penggunaan tembakau tegas Yang Berhormat lagi, di mana asap tembakau mengandungi beribu-ribu bahan kimia berbahaya yang dapat menembusi aliran darah melalui paru-paru dan berupaya untuk mengubah dan merosakkan sel serta menjejaskan cara badan berfungsi, dan seterusnya akan menjejaskan sistem peredaran darah dan meningkatkan risiko strok.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Strok Sedunia 2023.

# Ubah cara hidup, tabiat harian untuk mengurangkan risiko strok

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan, tinjauan kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu STEPS 2015-2016, menunjukkan lebih satu pertiga (35.8 peratus) daripada orang dewasa (18-69 tahun) menghidap tekanan darah tinggi.

Statistik ini jelas Yang Berhormat lagi, lebih membimbangkan apabila sebanyak satu pertiga daripada jumlah tersebut tidak menerima rawatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Strok Sedunia 2023 seterusnya menggariskan, selain itu, hampir separuh daripada orang dewasa mempunyai kolesterol tinggi (51.3 peratus), satu dalam empat penduduk Brunei tidak cukup aktif (25.3 peratus) dan hampir dua pertiga (62.8 peratus) mempunyai berat badan berlebihan atau obes.

Menurut Yang Berhormat lagi, jumlah penduduk yang merokok masih lagi tinggi walaupun NBD telah mengimplementasikan dasar tembakau yang ketat, di mana hampir satu perlima (19.9 peratus) daripada orang dewasa dilaporkan sebagai 'masih merokok'.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, sebahagian besar NBD bergantung kepada makanan yang diimport yang mana sebahagian besar adalah makanan yang diproses.

Pengambilan garam penduduk Brunei Darussalam terang Yang Berhormat, secara purata adalah hampir dua kali ganda daripada apa yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Jelas Yang Berhormat, lebih kurang satu perlima (21.8 peratus) orang menambah garam atau sos masin semasa memasak, dan satu perlima (19.5 peratus) kerap makan makanan diproses yang masin.

Di samping itu ujar Yang Berhormat, kebanyakan orang dewasa Brunei (91.7 peratus) tidak makan jumlah buah-buahan dan sayur-sayuran yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, iaitu tiga bahagian buah-buahan dan dua bahagian sayur-sayuran dalam sehari.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia jelas Yang Berhormat, 90 peratus kes strok boleh dicegah dengan mengawal faktor-faktor risiko strok.

Oleh yang demikian tegas Yang Berhormat, orang ramai perlulah mengubah cara hidup dan tabiat harian untuk mengurangkan risiko strok dengan membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala, pastikan pematuhan kepada ubat-ubatan, kurangkan pengambilan garam, berhenti merokok dan pastikan aktiviti fizikal menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita.

Kementerian Kesihatan menurut Yang Berhormat telah melaksanakan langkah-langkah untuk menggalakkan tabiat pemakanan sihat dan aktiviti fizikal.

Dengan hanya bersenam 30 minit tambah Yang Berhormat, lima kali seminggu boleh mengurangkan risiko strok sebanyak 25 peratus, dan kita disyorkan untuk melakukan senaman selama sekurang-kurangnya dua setengah jam seminggu.

Yang Berhormat seterusnya menggesa agar orang ramai menggunakan aplikasi kesihatan seperti BruHealth dan 'BNonTheMove' bagi membantu memberikan motivasi dan insentif untuk mengekalkan kegiatan aktiviti fizikal secara kerap.

Dalam usaha untuk memberikan kualiti penjagaan yang tinggi kepada mangsa strok dan memastikan mereka mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan lain seperti Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre, Pantai Jerudong Specialist Centre akan terus memberi tumpuan kepada strategi-strategi untuk mencegah, merawat dan mengawal strok.

Perkhidmatan rehabilitasi yang disediakan tambah Yang Berhormat boleh membantu membina kekuatan, menambah keupayaan, keyakinan dan membantu penghidap strok meneruskan aktiviti harian mereka walaupun mereka ini masih mengalami kesan strok agar mereka dapat kembali menjalani kehidupan harian dan mengambil bahagian dalam masyarakat.

"Marilah kita sama-sama muhasabah diri untuk menilai status kesihatan masing-masing, untuk mempertimbangkan perubahan tingkah laku yang boleh diambil dan seterusnya, untuk mengambil langkah-langkah yang disarankan bagi menjaga dan melindungi kesihatan serta menjamin kualiti kehidupan kita semua," ujar Yang Berhormat lagi.



قليتا بروني PELITA BRUNEI

>> Muka 1

# AMALKAN HIDUP SIHAT, CEGAH PENYAKIT STROK

"90 peratus strok dapat dicegah dengan mengawal risiko-risiko yang boleh diubah suai. Risiko metabolik termasuk tekanan darah tinggi, indeks jisim badan yang tinggi, kencingan manis, kolesterol tinggi dan masalah buah pinggang menyumbang sebanyak 71 peratus beban strok.

"Kesedaran dan amalan pencegahan strok perlu ditingkatkan di seluruh lapisan rakyat sebagai tindakan yang paling berkesan dan ini adalah tanggungjawab semua.

"Di samping itu, meningkatkan kesedaran tentang tanda-tanda dan gejala strok supaya mendapat rawatan perubahan kecemasan secepat mungkin.

"Ini kerana lebih separuh daripada orang yang mengalami strok akan mati. Bagi mangsa yang terselamat, kesannya boleh menjejaskan mobiliti fizikal, pemakanan, pertuturan, bahasa, emosi dan proses pemikiran," terangnya lagi.

Oleh itu, tambah Dr. Lee Chooi Lynn, dengan mendapatkan rawatan awal untuk strok, kita dapat menyelamatkan nyawa dan meningkatkan pemulihan.

Beliau seterusnya mengongsikan, antara tanda dan gejala strok dengan akronim 'PANTAS' iaitu 'P' bagi pergerakan tidak seimbang; 'A' bagi ada kesulitan melihat; 'N' bagi nampak wajah separuh menjebik; 'T' bagi tangan atau kaki lemah atau kebas; 'A' bagi amat sukar bercakap dan 'S' bagi segera dapatkan bantuan.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan bahawa kita mesti bersama-sama memberikan harapan dan sokongan kepada mangsa strok dan keluarga mereka.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Hari Strok Sedunia 2023 (atas). Manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat menyaksikan pameran.



Pusat Neurosains Strok dan Rehabilitasi Brunei (BNSRC) katanya, akan terus berusaha untuk memperkukuhkan penjagaan strok di NBD pada tahap antarabangsa.

BNSRC juga akan terus bekerjasama dengan semua perwakilan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dan berkaitan dengan strok dari segi peningkatan kesedaran, pencegahan, rawatan dan pemberian sokongan sama ada secara rasmi mahupun peribadi.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya melancarkan Hari Strok Sedunia 2023 ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Hari Strok Sedunia 2023 pada tahun ini bertemakan 'Together we are #Greater Than Stroke'. Acara selama dua hari bermula 28 hingga 29 Oktober 2023 itu bertujuan untuk menarik minat orang ramai mengunjungi petak pameran mengenai perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan di Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC).

Antara perkhidmatan adalah berkaitan dengan strok, selain menyediakan permainan dan kuiz bagi orang ramai tentang pencegahan strok serta cabutan bertuah bagi mereka yang menamatkan permainan dan cabaran bertemakan pencegahan strok.

# Platform berkecimpung dalam bidang perniagaan





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Acara Mata-Mata Street Car Boot Sale yang diadakan di kawasan letak kereta Simpang 52-55, Bangunan PA Rafeah, Kampung Mata-Mata (kiri dan atas).

Berita dan Foto: Haniza Abdul Latif

**GADONG**, Ahad, 29 Oktober. - Pertumbuhan perniagaan tempatan, malah daripada peringkat akar umbi di kawasan seperti kampung-kampung, selama bertahun-tahun, menunjukkan kesungguhan rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam mengambil inisiatif keusahawanan.

Usaha berkenaan bukan sahaja melestarikan individu, tetapi juga menyumbang kepada matlamat NBD, iaitu Pertumbuhan Ekonomi Yang Dinamik dan Mampan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Acara Mata-Mata Street Car Boot Sale yang diadakan di kawasan letak kereta Simpang 52-55, Bangunan PA Rafeah, Kampung Mata-Mata, di sini.

"Saya tidak sabar untuk menyaksikan lebih banyak inisiatif sedemikian yang merapatkan jurang antara perusahaan mikro dan Satu Kampung Satu Produk, dengan menawarkan peluang perniagaan tempatan untuk mempamerkan produk mereka, perkhidmatan dan untuk membina potensi perkongsian.

"Mari hidupkan semangat gotong-royong, kerja kolaboratif untuk ganjaran masyarakat.

"Dengan ekosistem perniagaan yang teguh dan menyokong, negara dapat berkembang maju secara mampan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menggesa agar para usahawan tempatan untuk tabah, berinovasi dan meluaskan pemandangan di luar jangkaan mereka kerana terdapat pasaran global menunggu bagi menghargai nilai yang dibawa.

Acara Mata-Mata Street Car Boot Sale dianjurkan oleh HiTune Group Of Companies di bawah kelolaan HiTune Universal Services, dengan tujuan sebagai satu platform bagi mereka yang berminat menceburi bidang perniagaan, dan bagi mereka yang baharu berkecimpung untuk bergiat di dalam bidang perniagaan jualan Car Boot.

Di samping itu juga, mereka dapat kenalan rakan perniagaan selain dapat bertukar-tukar pendapat sesama para peniaga.

Jualan berkenaan dihasrat akan dapat dilaratkan dari minggu ke minggu, dari satu tempat ke tempat lain di sekitar kampung dengan pihak penganjur akan turut membantu untuk berganding bahu bersama para peniaga penduduk di kampung berkenaan.

HiTune Universal Services juga bekerjasama dengan Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Muslimah-muslimah Kampung Mata-Mata bagi meluaskan lagi projek berkenaan dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk memberi peluang kepada para penduduk kampung di kawasan berkenaan dan sekitarnya agar mereka dapat meluangkan masa yang berguna, di samping menambah hasil pendapatan bagi menyara kehidupan masing-masing dengan berniaga.

Turut hadir, Pemangku Penghulu Mukim Gadong 'B', Awang Haji Adnan bin Haji Bagol; Pemangku Ketua Kampung Mata-Mata dan Ahli-ahli MPK serta para Muslimah Kampung Mata-Mata.

Juga hadir, Pengarah Urusan HiTune Group Of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang selaku Penasihat Majlis; serta Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif HiTune Group Of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Mohd Jeffrey selaku Penolong Penasihat Majlis.

Lebih 20 peniaga menyertai jualan berkenaan yang terdiri daripada penduduk kampung dan penduduk sekitarnya dengan menjual pelbagai jenis barangan, dengan harga yang berpatutan.

# ROMBONGAN NBD SERTAI PROGRAM JEJAK SILATURRAHIM KE ACEH, MEDAN




**ROMBONGAN seramai 17 orang Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang yang diketuai oleh Penasihat Masjid SSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berlepas ke Indonesia bagi Program Jejak Silaturrahim ke Aceh dan Medan.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Oktober. - Rombongan seramai 17 Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang petang tadi berlepas ke Indonesia bagi Program Jejak Silaturrahim ke Aceh dan Medan.

Program yang diadakan bermula 29 Oktober hingga 3 November 2023 itu, diketuai oleh Penasihat Masjid SSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Tujuan lawatan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara ahli rombongan dan masyarakat Islam di Aceh dan Medan, serta bertukar-tukar maklumat dan pandangan mengenai perkembangan dan aktiviti dakwah dan keagamaan yang dilakukan oleh pelbagai pihak di sana.

Sepanjang lawatan selama enam hari itu, ahli rombongan akan mengadakan perjumpaan dengan tokoh-tokoh ulama tempatan dan membuat lawatan ke beberapa tempat menarik seperti masjid-masjid, pesantren, mahad tahfiz, muzium dan lain-lain.




# Wanita berbangsa Filipina peluk Islam



**MAJLIS Pengislaman bagi Margie Landiga Caermare, 34 tahun, berlangsung di Bangunan Darul Huda, PDI dan dihadiri oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi selaku tetamu kehormat (atas dan bawah).**



**Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Oktober. - Seorang wanita berbangsa Filipina memeluk agama Islam setelah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengakuan pengislamannya di hadapan pegawai Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Majlis Pengislaman bagi Margie Landiga Caermare, 34 tahun, berlangsung di Bangunan Darul Huda, PDI dan beliau memilih nama Islamnya sebagai Dayang Farah Syazadi binti Abdullah.

Hadir pada majlis berkenaan selaku tetamu kehormat, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Majlis Pengislaman terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada Dayang Farah Syazadi oleh tetamu kehormat.

Majlis juga turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baharu yang diraikan serta bacaan Doa Selamat.

Sejak Januari hingga 30 September 2023, PDI mencatatkan seramai 294 orang yang memeluk agama Islam di seluruh negara. Daripada jumlah berkenaan, seramai 65 orang adalah daripada bangsa Filipina.

PELITA BRUNEI

# GERHANA BUKTI KEAGUNGAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA



SEMBAHYANG Sunat Gerhana Bulan Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 Oktober. - Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan malam dan siang adalah sebagai tanda kekuasaan atau bukti kekuasaan-Nya, keduanya malam dan siang akan mengakibatkan perubahan dan perbezaan cuaca, masa dan waktu, begitu juga dengan kejadian gerhana.

Adapun gerhana itu terbahagi kepada dua iaitu Gerhana Matahari dan Bulan. Gerhana itu ialah suatu perubahan, suatu kejadian, suatu keagungan dan kebesaran tuhan yang berlaku pada matahari dan bulan di mana kejadian itu adalah suatu perkara yang amat mudah bagi Allah Subhanahu Wata'ala melakukannya.

Oleh itu, jika berlaku kejadian Gerhana Matahari atau Bulan, ia bukanlah merupakan suatu tanda akan timbul suatu kejadian yang aneh dan mengkhuatirkan tetapi gerhana itu berlaku atas sifat wajib bagi Allah Subhanahu Wata'ala iaitu berkehendak dan berkuasa atas segala sesuatu yang tidak dapat dihalang oleh apa jua kekuatan pun di dunia ini.

Demikian antara inti pati Khutbah Gerhana Bulan semasa kejadian Gerhana Bulan Subuh pagi tadi dan tumpuan masjid di ibu negara ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang dibacakan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Semasa berada di atas mimbar, khatib menekankan, apabila berlaku gerhana, kita sebagai umat Islam adalah dianjurkan oleh Rasul Allah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya bersegera untuk melakukan perkara-perkara yang berkebajikan seperti sembahyang, berdoa, berzikir, bertakbir, bersedekah dan beristighfar.

"Oleh yang demikian, wahai kaum Muslimin, marilah kita sama-sama mengambil kesempatan semasa berlakunya Gerhana Bulan ini untuk bersegera bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan serta memperbanyakan membaca doa dan istighfar memohon keampunan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

"Di samping itu, seru khutbah, marilah kita melakukan perkara-perkara yang berkebajikan dan menghindari daripada melakukan perkara-perkara mungkar dan maksiat serta perbuatan syirik yang bercanggah dengan ajaran agama Islam.

"Mudah-mudahan kejadian gerhana ini akan menimbulkan keinsafan, menambahkan dan menguatkan lagi keimanan serta ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala," tegasnya lagi.

Terdahulu pengisian khutbah menerangkan, Allah Subhanahu Wata'ala Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui akan segala kejadian, Dialah juga yang menjadikan apa yang ada di bumi seperti manusia, jin, tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta menjadikan apa yang ada di langit seperti bulan, matahari dan sebagainya, iaitu sebagai bukti keterangan yang nyata tentang kudrat, iradat, ilmu, kebijaksanaan serta pengurniaan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang banyak dan luas yang mendorong supaya makhluknya memuji dan bersyukur, serta mengabdikan diri sebagai hamba dengan khusyuk dan tunduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Umat Islam, jelasnya, mestilah percaya dengan penuh yakin bahwa Allah Subhanahu Wata'ala pentadbir seluruh alam, segala peredaran cakerawala, bumi, bulan, matahari dan seumpamanya adalah di bawah kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang menggerakkannya.

Tambahnya, peredaran bulan dan matahari yang teratur setiap hari secara berganti-ganti, matahari beredar pada waktu siang, manakala bulan beredar pada waktu malam adalah atas kudrat dan iradat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan perkara tersebut mempunyai hikmah dan tujuan tersendiri, Maha Suci Allah pentadbir seru sekalian alam.

Sehubungan itu, Sembahyang Sunat Gerhana Bulan diadakan seluruh masjid, surau dan balai ibadat di negara ini. Sembahyang Sunat Gerhana Bulan Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, pemangku; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan dari KHEU serta penduduk-penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Gerhana Bulan Separa berlaku apabila sebahagian daripada cahaya matahari iaitu bayangan Umbra yang jatuh pada permukaan bulan telah terlindung oleh bumi kita. Gerhana ini berlaku apabila bumi berada di antara matahari dan bulan.

Gerhana Bulan Separa berlaku kira-kira selama 1 jam 17 minit iaitu bermula dari jam 3.35 pagi.



KHUTBAH Gerhana Bulan dibacakan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

# Erat silaturahim bersama masyarakat mualaf di pedalaman

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

**TUTONG**, Ahad, 29 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Urusetia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Unit Da'wah Tutong dan Belia Muallaf As-Syahadah mengadakan Jelajah Muallaf dan Belia Muallaf Prihatin bertempat di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Pemangku Pengarah PDI, Awang Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman dan Pemangku Penolong Pengarah PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan PDI, Unit Da'wah Tutong dan Belia-Belia Muallaf Asy-Syahadah dan warga Takmir Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan.

Seramai 50 orang telah menyertai program tersebut yang terdiri daripada penduduk Kampung Long Mayan sama ada mualaf atau *non-Muslim*.

Majlis dimulakan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Aktiviti Family Explorace dan diselajurkan dengan penyampaian barang-barang sumbangan kepada 20 buah keluarga asnaf mualaf Kampung Long Mayan.

Sumbangan tersebut merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan bagi Program Belia Muallaf Prihatin yang dilaksanakan setiap tahun oleh Belia Muallaf Asy-Syahadah. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan bergambar ramai.

Antara lain pengisian program adalah Perkongsian Hi-Moment (Hidayah Moment) dan pelbagai aktiviti antaranya Cabutan Nama Bertuah dan Aktiviti Family Explorace.

Objektif program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim bersama masyarakat mualaf di pedalaman serta mengenal pasti kemusykilan yang dihadapi oleh belia mualaf di pedalaman dan kemudian berkongsi pendapat dan idea sesama belia dan masyarakat.

Di samping itu, mengambil pengajaran serta pengalaman daripada PDI tentang pendekatan dakwah yang diguna pakai semasa melaksanakan dakwah *non-Muslim* di pedalaman dan mendedahkan Ahli Jawatankuasa dan Ahli Belia Muallaf As-Syahadah amalan berbagi dengan masyarakat melalui sumbangan Belia Muallaf Prihatin.






PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Jelajah Muallaf dan Belia Muallaf Prihatin (kiri dan atas).

# PASUKAN GABUNGAN MASJID KAMPUNG KERIAM JUARA PERTANDINGAN DIKIR SYARAFIL ANAM

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 28 Oktober. - Pasukan gabungan Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Keriam muncul johan dalam Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Tahun 1445 Hijrah setelah memperoleh markah 89 peratus daripada para juri pertandingan.

Manakala gabungan MPK dan Jawatankuasa Masjid Kampung Kupang 2 dan gabungan MPK dan Jawatankuasa Masjid Kampung Kupang 1, masing-masing meraih markah 87.5 peratus dan 87 peratus bagi menduduki tempat kedua dan ketiga.

Sebanyak lima pasukan menyertai pertandingan berkenaan yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Keriam dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (PAIPAS), Kampung Sungai Kelugos yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Terdahulu, Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Abdul Karim selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya yang antara lain menerangkan mengenai tujuan pertandingan berkenaan diadakan ialah sebagai galakkan untuk para peserta terus mempelajari dan menguasai lagu dikir dan sebagai landasan untuk menyerikan acara bercorak keagamaan.

Menurutnya, terdapat beberapa jenis dikir yang biasa dialunkan seperti Asalai, Badat, Haruman dan Bishahrin.

Pertandingan seumpamanya dapat memberi pendedahan dan bimbingan, sekali gus dapat mengukur sejauh mana baiknya tahap teknik-teknik dikir yang dialunkan agar dapat diperbaiki mengikut perkembangan aliran masa.

Majlis juga turut diserikan dengan Persembahan Dikir Brunei oleh jemaah hakim dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Masjid PAIPAS, Muhd. Jalalluddin bin Junaidi.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Tahun 1445 Hijrah iaitu pasukan gabungan MPK dan Jawatankuasa Masjid Kampung Keriam.



ANTARA pasukan yang menyertai Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Tahun 1445 Hijrah.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. **'Kebersihan Amalan Hidup Sihat'.** Tarikh Tutup **: 1 November 2023**
2. **'Menghargai Makna Keamanan'.** Tarikh Tutup **: 8 November 2023**
3. **'Semarak Perpaduan Melalui Makanan'.** Tarikh Tutup **: 15 November 2023**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PERASMIAN

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi





PENGARAH Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Mohd. Zalani bin Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai semasa Majlis Khatam Al Quran dan Doa Kesyukuran.

**KAMPUNG MENTIRI**, Ahad, 29 Oktober. - Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran bagi Memperingati Perasmiannya Ke-6 Tahun berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Mohd. Zalani bin Haji Ismail.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim beramai-ramai bermula daripada Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Haji Annuar bin Penghulu Haji Ibrahim yang juga membaca Takhtim.

Doa Khatam Al-Quran dan Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Mohd. Sallehin bin Pengiran Haji Tejudin juga selaku Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri yang diselajurkan dengan doa bagi memohon perlindungan dan keselamatan untuk rakyat dan negara Palestin.

Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan diselajurkan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama pada 28 Ramadan 1438 Hijrah bersamaan 23 Jun 2017 Masihi.

Masjid yang indah ini merupakan bagi menggantikan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri yang terlibat dalam kebakaran pada 8 Rejab 1438H bersamaan 5 April 2017M.

# JPAKK, JJK kukuhkan rangkaian kerja bersama BDMD






SERAMAI 20 pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam yang mewakili pelbagai kementerian menyertai Program Perkongsian Maklumat bersama Jabatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah selaku Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**ANGGEREK DESA**, Sabtu, 28 Oktober. - Bagi meningkatkan lagi hubungan baik dan mengukuhkan rangkaian kerja di antara pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, pagi tadi diadakan Program Perkongsian Maklumat bersama Jabatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam (BDMD), di ibu pejabat jabatan berkenaan, di sini.

Seramai 20 pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam yang mewakili pelbagai kementerian menyertai program yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah selaku Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK).



Rombongan yang dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Kajicuaca, Dayang Rokiah binti Haji Angas.

Taklimat mengenai kepentingan memanfaatkan platform digital dalam penglibatan awam yang disampaikan oleh Pegawai Kajicuaca, Dayang Nadiahtul 'Afifah binti Haji Mohd Yasin antara lain menyentuh mengenai cabaran dalam menggunakan media sosial dan berkongsi sama beberapa cara untuk menghadapinya.

Rombongan juga berpeluang mengadakan lawatan ke Pusat Ramalan Cuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk melihat secara dekat proses dan kemudahan, serta sistem-sistem kaji cuaca yang digunakan dalam pencerapan dan penyediaan ramalan, nasihat dan amaran cuaca yang disalurkan kepada para pengguna seperti agensi kerajaan, swasta dan orang ramai.

JPAKK & JJK ditubuhkan pada 8 Mac 1997 dan Jabatan Penerangan dilantik sebagai Urus Setia yang antaranya berperanan untuk memastikan matlamat utama penubuhannya dapat dilaksanakan dengan teratur dalam usaha untuk mengukuh, menanai dan memberikan respons kepada orang awam secara proaktif dan telus mengenai dasar, matlamat, fungsi dan tanggungjawab serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan untuk diketahui oleh orang ramai.



## سروان سوچي

# ممڤركاس ڤرودوق تمبه نيلاي، ڤماچو إيكونومي نݢارا

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠابديكن الله سبحانه وتعالى، براوله كبهاݢياٴن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أݢام إسلام اداله أݢام يڠ لڠكڤ، يڠ بوكن هاڽ منومڤوكن ڤرهاتين كڤد ڤرسوالن عباده سهاج، بهکن جوݢ ممنتيڠكن سوال-سوال كلڠسوڠن هيدوڤ. اڤ جوݢ ڤركارا يڠ منجادي أوروسن ڤلڠكڤ أومت اداله منجادي كواجبن اونتوق دوجودكن. اين سسواي دڠن قاعده فقه:

**مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ.**

**أرتين:**

**"سسواتو يڠ واجب إيت تيدق اكن سمڤورنا ملاينكن دڠن مڠاداكن سسواتو، مك مڠاداكن سسواتو ايت اداله واجب."**

ساله ساتو ڤكتور اونتوق منجادي أومت يڠ قوات، كاي اتو تيدق ميسكين اياله دڠن بكرجا دان برأوسها سرت منجاوهكن ديري درڤد صفة له دان مالس. انتارا سومبر كقواتن يڠ منجادي كلڠسوڠن هيدوڤ أومت اياله بيدڠ ڤرتانين دان ڤرايكنن.

سيكتور ڤرتانين دان ڤرايكنن مروڤاكن ساله ساتو سيكتور يڠ برڤوتينسي بسر دالم منيڠكتكن كماجوان دان إيكونومي سسبواه نݢارا. انتارا أكتيۏيتي-أكتيۏيتي يڠ بركايتن دڠن ڤرتانين دان ڤرايكنن اداله ڤڠحاصيلن اتو ڤڠلوارن ماكنن سڤرتي ڤركبونن، ڤنانمن دان ڤنترنقن (لمبو، كمبيڠ، أيم، إيكن دان سباݢين).

ترداڤت بابق آية القرآن يڠ ميبوت تنتڠ حاصل تانمن دان بواه-بواهن يڠ برأنيكا ماچم. اين منونجوقكن بتاڤ مستحقڽ بيدڠ ڤرتانين ڤد ڤنداڠن إسلام، دانتاراڽ سباݢيمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأنعام آية ١٤١:

**دان دياله يڠ منجاديكن كبون-كبون يڠ منجالر (تومبوهن) دان يڠ تيدق منجالر دان ڤوهون-ڤوهون كورما دان تانم-تانمن يڠ برماچم-ماچم بواهن (راس دان باوڽ) دان بواه زيتون دان دليما يڠ سروڤا (بنتوقڽ) دان يڠ تياد سروڤا (راسڽ). ماكنله درڤد بواهن كتيك اي بربواه دان كلواركنله حق (زكاة)ڽ ڤد هاري مميتيق حاصلڽ دان جاڠنله كامو برلبيه-لبيهن، سسڠݢوهڽ الله تيدق ميوكاٴي اورڠ-اورڠ يڠ برلبيه-لبيهن.**

رسول الله صلى الله عليه وسلم تله مڠايڠتكن تنتڠ بتاڤ ڤرلوڽ تانه ڤرتانين ايت دباڠونكن اونتوق مڠحاصلكن باهن ماكنن دان تيدق مڠاذينكن سام سكالي تانه ايت تربيار دان دبذيركن دڠن بݢيتو سهاج. درڤد جابر بن عبدالله رضي الله عنهما بهاوا رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا فَإِنْ لَمْ يَزْرَعْهَا فَلْيُزْرِعْهَا أَخَاهُ.**

**مقصودڽ:**

**"بارڠسياڤ يڠ مميليكي تانه، هندقله دي برچوچوق تانم ڤدڽ اتوڤون دسرهكن تانه إيت كڤد سوداراڽ (اونتوق برچوچوق تانم)." {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سلاين عباده سمبهيڠ دان سباݢيڽ، ملاكوكن أكتيۏيتي ڤرتانين جوݢ داڤت مندكتكن ديري سسأورڠ كڤد الله سبحانه وتعالى كران تندا كبسرن الله سبحانه وتعالى داڤت دليهت دڠن جلس دالم ڤروسيس كجادين تومبوه-تومبوهن اتو تانم-تانمن يڠ دأوسهاكن اوله ڤارا ڤتاني، سباݢيمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النحل آية ١١ يڠ تفسيرڽ:

**دياله جوݢ يڠ منومبوهكن باݢي كامو دڠن أير هوجن إيت تانم-تانمن، زيتون، كورما، أڠڬور دان سݢل جنيس بواه-بواهن. سسڠݢوهڽ ڤد يڠ دمكين ايت ترداڤت تندا (ككوواساٴن الله) باݢي قوم يڠ (ماهو) برفيكير.**

بكرجا سباݢي ڤتاني اداله ساتو عباده يڠ بوكن سهاج ممبري حاصل كڤد ديري ڤارا ڤتاني ترسبوت مالهن جوݢ مڠاجر مأنسي سوڤاي ممهمي دڠن سبنرڽ حقيقة تَوكل كڤد الله سبحانه وتعالى دان برإيمان كڤد ككوواساٴن الله سبحانه وتعالى يڠ مڠاتسي سݢل بنتوق ككوواساٴن لاين. والوڤون ڤتاني ڤرلو بكرجا كراس دان مڠݢوناكن سݢل كماهيرن اونتوق منجايكن أوسها ڤرتانينن، اكن تتاڤي يڠ منومبوهكن سݢل تانمن دان ممبري حاصل اداله الله سبحانه وتعالى.

مأنسي برأوسها دان بردعاء اݢر منداڤت حاصل يڠ بايك. تتاڤي سأنداين ستله سموا ايت دلاكوكن تيدق جوݢ منداڤت حاصل يڠ دهارڤكن، مك سي ڤتاني هندقله ڤسره كڤد كتنتوان الله سبحانه وتعالى دان منريما حقيقة إيت دڠن هاتي يڠ تربوك. إينله إينتي ڤتي كڤد كونسيڤ تَوكل يڠ سبنر.

باݢي أومت إسلام، ككياتن ددالم بيدڠ اين مروڤاكن دانتارا جارا يڠ موده باݢي منداڤت كنجارن ڤهلا درڤد الله سبحانه وتعالى دسمڤيڠ منداڤت منفعة اتو ڤنداڤتن يڠ حلال درڤد حاصل جوالن كلوارن ڤرتانين.

دڠن ممنفعتكن حاصل بومي يڠ بابق اين، سايريڠ دڠن كماجوان تيكنولوجي يڠ سماكين جڠكيه، ڤڠحاصيلن ڤرودوق-ڤرودوق ماكنن برڤروسيس يڠ برسومبركن حاصل ڤرتانين دان ڤرايكنن اكن داڤت دڤرتيڠكتكن سهيڠݢ بوليه دڤاسركن دلوار نݢارا.

ڤڠحاصيلن سچارا برتروسن بوليه ممبواتكن سسبواه نݢارا ايت ممڤو مڠورڠكن كبرݢنتوڠن دان كڤرلوان نݢارا اونتوق مڠإيمڤورت باهن-باهن ماكنن دري لوار نݢارا دان ممڤو منجامين كسلامتن بكلن ماكنن دالم نݢارا ترأوتام ڤد ماس-ماس كريتيكل كتيك جڠكيتن وابق ڤڽاكيت.

والوباݢيمان ڤون، ڤرهاتين تيدق سهاروسڽ دبريكن هاڽ كڤد سيكتور إين دڠن مڠابايكن كڤنتيڠن سيكتور-سيكتور لاين، كران متلامت أوتام كيت اياله اونتوق منچاڤاي كسايمبڠن ددالم سݢل بيدڠ باݢي ممنوهي تونتوتن فرض كفايه دالم ممباڠون نݢارا دان أومه.

جماعه يڠ درحمتي الله،

رسول الله صلى الله عليه وسلم اد ميبوتكن مڠناٴي ڤهلا دان كنجارن اورڠ-اورڠ يڠ منجالنكن بيدڠ ڤرتانين سباݢيمان دالم سبواه حديث، درڤد أنس بن مالك رضي الله عنه، بݢندا برسبدا:

**مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ.**

**مقصودڽ:**

**"تياد سأورڠ مسلم ڤون يڠ برتاني اتو برلادڠ لالو حاصل ڤرتانينڽ دماكن اوله بوروڠ اتو مأنسي اتوڤون بيناتڠ ملاينكن باݢي ديريڽ درڤد تانمن إيت ڤهلا صدقه." {حديث رواية إمام بخاري}**

منوروت سجاره إسلام، ستله نبي صلى الله عليه وسلم تيبا دمدينه، بݢندا تله مڠݢالقكن اݢر أوسها ڤرتانين دتيڠكتكن. بومي مدينه يڠ كتيك ايت سميمڠ سوبور ڤرلو دأوسهاكن دڠن لبيه ݢيات. مك قوم مهاجرين يڠ برهجرة برسام بݢندا دأتوركن سوڤاي بكرجاسام دڠن قوم أنصر ياٴيت ڤندودوق أصل مدينه ددالم أوسها-أوسها ڤرتانين.

اوله يڠ دمكين، مڠأوسهاكن حاصل بومي دڠن برتاني دان مڠرجاكن تانه تربيار اداله ساله ساتو جارا اونتوق منداڤتكن ڤونچا ڤنداڤتن يڠ حلال لاݢي صح دسيسي إسلام. أخيرڽ، ماريله كيت سام-سام بردعاء، مڠمبليڠ تناݢ دان أوسها باݢي مڠمبڠ ماجوكن لاݢي بيدڠ ڤرتانين، ڤنترنقن دان ڤرايكانن دمي سورۏاويليتي اتو كلڠسوڠن بڠسا دان نݢارا كيت يڠ ترچينتا اين. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين، نݢارا كيت اكن تروس ماجو دان سكاليݢوس اكن داڤت منيڠكتكن دان ممڤلباݢيكن لاݢي ايكونومي نݢارا. آمين يا رَبَّ العالمين.

**دان كامي منجاديكن ڤدڽ كبون-كبون كورما دان أڠڬور دان كامي ممانچركن ڤدڽ مات-مات اير. سوڤاي مريك ماكن درڤد بواه-بواهنڽ دان درڤد حاصل اوسها تاڠن مريك، مك تيدقكه مريك ماهو برشكور (أتس نعمت-نعمت إيت)؟ {سورة يس آية: ٣٤-٣٥}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam dan Di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
**Sabtu,**
**11 November 2023**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa,**
**14 November 2023**
**Jam 2.00 Petang**

**Bil. Tawaran :**
**KHEDN / LTK / 2023 - 12**

**Tajuk Projek :**
**Vehicle Leasing Services For Ministry Of Home Affairs – Five (5) Years Contract**

**Bilangan Projek :**
**KHEDN / BPE / B00405 / 10**

**Yuran Tawaran :**
**BND500.00**
**(Tidak dikembalikan)**

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran :**
**39 / JMM / S / 12 / 91**
**(2023 / 2024) - R**

**Tajuk Tawaran :**
**Roofing Work to Office and Store Area At Stor Muzium Gudang Blok G, Gadong, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Tidak lewat Selasa,**
**21 November 2023**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**KSSUP / BIOS / JKSH / 01 / 2023-2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Membekalkan Jamuan Bagi Ahli Jawatankuasa Yang Bertugas, Raptai dan Majlis Pelancaran Bagi Ekspo Produk Tempatan 2023**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Khamis, 9 November 2023,**
**Jam 2.00 Petang.**

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan)**

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**KPN / PR / MISC (KEWANGAN)**
**Penyediaan Jamuan Makan Bagi Sesi Permuzakarahan Kementerian Pembangunan Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat (MMN) Negara Bagi Tahun 2023**

**Bayaran Sebut Harga :**
**BND10.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Buka :**
**Isnin, 23 Oktober 2023.**

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran :**
**Rabu, 1 November 2023.**

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**KSSUP / JKSH / BTI / 02 / 2023 - 2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**the Supply and Delivery Of Desktop PC For Ministry Of Primary Resources and Tourism**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Khamis,**
**16 November 2023**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam**

**JPt / TAW / 07 / 2023 - 2024 : Penyediaan Bekalan Api Elektrik Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Merangking, Fasa 2**
**( Yuran Tawaran : BND50.00 / Borang Tawaran : BND15.00 )**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 21 November 2023**
**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Iklan Lanjutan**

**Bilangan Tawaran :**
**JKP / SH / 2023-2024 / 26**

**Tajuk Tawaran :**
**To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing and Delivery Of Tour Guide Trails Handbook For Luagan Lalak Recreational Park**

**Dokumen Tawaran :**
**BND5.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Khamis,**
**2 November 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 159 / 23-24 : Renovation Merchandise Room At Canteen Block, Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 161 / 23-24 : To Deliver and Supply Rack Mounted Automatic Transfer Switch (ATS).**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00 (Tidak dikembalikan)**
**(Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00**
**(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (*Hardcopy*)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,**
**8 November 2023,**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 185 / 2023**

**Chin Choon Thiam**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Chin Choon Saw (30-93068)**
**Victor Loh Chee Meng**
**(30-082521)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 Ogos 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Chin Choon Saw (30-93068)**
**Victor Loh Chee Meng**
**(30-082521)**
**No 5232, Simpang 79, Jalan Maulana, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
31 Julai 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
14 September 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **17 Ogos 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 12 Oktober 2023, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 Oktober 2023, jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
14 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 137 / 2023**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad (Formerly known as Baiduri Bank Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Othman bin Haji Moktar**
**(00-073154)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Julai 2023.**

**>> Muka 15**

>> Muka 14

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Othman bin Haji Moktar**
**No 24, Kg Bukit Beruang,**
**Tutong, TC3145,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
25 Jun 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
14 September 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 12 Oktober 2023, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 Oktober 2023, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
14 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 437 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Ak Mohd Hidayat Rabiel Awal bin Pg Rosli (BYIC No. 00-284562) - **Alamat -** No 60, Simpang 50, Lot 2981, Jalan Kompleks Sukan Mumong, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 437 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 39% Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 196 / 2020**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Haji Awang Mohd Hussaini bin PP Hj Awang Ahmad (BYIC No. 00-126011) - **Alamat -** No 8, Kg Kianggeh, Bandar Seri Begawan, BE8111, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 196 Tahun 2020. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 15% Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 7 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 127 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Haji Abd Rahim bin Hj Matusin (BYIC No. 00-126011) - **Alamat -** No 8, Kg Kianggeh, Bandar Seri Begawan, BE8111, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 127 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 15% Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar -** 7 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 141 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Junaidah binti Ismail (BYIC No. 00-115199) - **Alamat -** No 20, Simpang 245-7, Jalan Wasai Limuru, RPN Kg Meragang, BT2928, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 141 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 16 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 214 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Saluma binti Pandin (BYIC No. 00-250335) - **Alamat -** G18, Simpang 604, Jalan Pasir Berakas, Kampong Lambak, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 214 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 23 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
21 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 139 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Awg Ahmad Sarkawe bin Haji Pungut / Masri (BYIC No. 00-112635) - **Alamat -** No 24, Simpang 286-30-35-3, Rancangan Perumahan Negara Kampong Lumut, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 139 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 23 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
21 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 245 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Abu Bakar bin Haji Mina (BYIC No. 00-045284) - **Alamat -** No 30, Simpang 421, Kampong Belimbing, Jalan Subok, BD2917, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 245 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 195 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Hajah Siti Uzani binti Mohamad (BYIC No. 00-076493) - **Alamat -** No 31, Simpang 61, Kg Sengkarai, Tutong, TA2341, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 195 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 28 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 178 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Masnah binti Chulan (BYIC No. 00-252276) - **Alamat -** No H2, Blok H, Flat SPO, Kawasan Pusat Latihan Polis, Polis Headquarters Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 178 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 14 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
13 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 81 / 2018**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Hj Bahrin Halimi bin Hj Mohd Zain**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **30 Mei 2019** telah dibatalkan pada **24 Ogos 2023.**

**Nama Penghutang :**
**Hj Bahrin Halimi bin Hj Mohd Zain**

**Alamat Penghutang :**
**No. 5, Simpang 311, Kg Tanjong Panjang, Serambangun, Tutong, TA2541,**
**Negara Brunei Darusalam**

**Bertarikh :**
16 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 167 / 2017**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Muhammad Azmurin bin Abdullah @ Biar**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **26 Ogos 2017** telah dibatalkan pada **16 September 2023.**

**Nama Penghutang :**
**Muhammad Azmurin bin Abdullah @ Biar**

**Alamat Penghutang :**
**No. 11A, Simpang 308-21-13, Jalan Pasir Berakas, Kg Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
30 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 57 / 2021**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Asman bin Haji Taha**
**(00-112971)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **24 Ogos 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :**
**Asman bin Haji Taha**
**No. 5, Simpang 162-32, Kg Perpindahan Tungku, Gadong, BC2119**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau**
**No. 1, Simpang 228, Kg Pintu Malim, Mukim Kota Batu, BD1317**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**
22 Julai 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**27 September 2023**

**Kes No. BCY / CP / 382 / 2019**

**Perintah Penghukuman**

**Nama Penghutang -** Mohammad Hazuwan bin Hamzah (BYIC No. 01-058195) - **Alamat Terakhir Diketahui -** No 5, Simpang 153, Jalan 3, Perumahan Rimba Gadong, BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan, BA1910, Negara Brunei Darussalam. **Nombor Perkara - Kes No. BCY/CP/382/2019. Tarikh Perintah Penghukuman - 16 September 2023. Tarikh Permohonan -** 3 Ogos 2023.

**Tarikh :**
27 September 2023

**Muhammad Syafiq bin Awang Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 93 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Zoolihsan bin Basri (00-279827) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 Julai 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Zoolihsan bin Basri (00-279827) No 9, Simpang 301-22, Kg Kapok Kanan, Jalan Muara, BT2328, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
15 Mei 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
16 September 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 5 Disember 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Disember 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
16 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 185 / 2013**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Salman bin Haji Astor (BYIC No. 00-270021) - **Alamat** - No 3, Simpang 74-59-108-37-15-17, STKRJ Katok B, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 185 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 37% Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 23 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
21 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 94 / 1998**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Nikmah binti Haji Ibrahim (BYIC No. 00-052612) - **Alamat** - No 25, Kompleks Haji Daud, KM4.5, Jalan Gadong, BE4119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 94 Tahun 1998. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 0.94% Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 7 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
6 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 19 / 2020**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Abdul Hafiiz bin Md Yusop (BYIC No. 00-315066) - **Alamat** - No 9, Simpang 342-22-24, STKRJ Kg Tungku, Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 19 Tahun 2020. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 19% Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 43 / 1997**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Zulkifli bin Abd Ghani (BYIC No. 00-005261) - **Alamat** - No 9, Simpang 342-22-24, STKRJ Kg Tungku, Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 43 Tahun 1997. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 90% Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 357 / 2010**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua dan Terakhir**

**Nama Penghutang -** Awang Lamit bin Matzin (BYIC No. 00-066910) - **Alamat** - No 10, Jalan 82, Simpang 82-11, RPN Kampong Rimba, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 357 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 18 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
18 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 280 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**Nama Penghutang -** Md Syahmirul Nizam bin Hj Usen (BYIC No. 00-312845) - **Alamat** - No 29, Simpang 636-35, Kampong Beribi Jangsak. Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 280 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 52% Pertama atau terakhir selainnya** - Ketiga **Bila Kena Dibayar** - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 9 / 2013**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Dayang Mahani bte Haji Sabli (BYIC No. 00-278964) - **Alamat** - No 18, Simpang 120, Kg Sungai Akar, BC4115, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 9 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 18 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
18 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 109 / 2018**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Abdul Ghani bin Haji Mohamed (BYIC No. 00-110723) - **Alamat** - No 132, Simpang 66-132. Kampong Bengkurong, BG1920, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 109 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 26 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 33 / 2021**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Muhammad Bakri bin Johari @ Bakir bin Johari (BYIC No. 00-114299) - **Alamat** - No 9, Kg Merangking Ulu, Ulu Belait, KF1131, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 33 Tahun 2021. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 7 September 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
6 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 365 / 2009**

**BIBD AT-Tamwil Berhad - Pemiutang / Pemetisyen**

**Mohammad Fauzi bin Haji Suhaili (00-286239) - Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 September 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :**
**Mohammad Fauzi bin Haji Suhaili No. 8, Simpang 51-17-5, STKRJ Kg Rimba Gadong Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**
3 Ogos 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**7 Oktober 2023**

**Kes No. BCY / CP / 248 / 2010**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad - Pemiutang / Pemetisyen**

**Zulaini bin Mohmad Jaya (00-129839) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **30 September 2010** telah dibatalkan pada **24 Ogos 2023.**

**Nama Penghutang :**
**Zulaini bin Mohmad Jaya**

**Alamat Penghutang :**
**Blok D, G36, Simpang 51, Perumahan Bomba, Penerbangan Awam, Jalan Kustin, BB2313, Negara Brunei Darusalam**

**Bertarikh :**
11 September 2023

**Nurul Hidayah binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**IKLAN LANJUTAN**

**Rujukan Tawaran :**
**MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / GEN / 004 [JPPK / LTN / 11 / 2023]**

**Proposed Design & Build For Infrastruktur Keupayaan Pertahanan Udara Markas Cawangan No.2, Hangar 238, MRAD Hangar**

**Tarikh Penerbitan Daripada :**
**30 Oktober 2023**

**Dilanjutkan Kepada :**
**27 November 2023**

**Tarikh Terakhir Pembelian Daripada :**
**Selasa, 31 Oktober 2023**

**Dilanjutkan Kepada :**
**Selasa, 28 November 2023**

**Tarikh Tutup Tawaran Daripada :**
**Selasa, 7 November 2023**

**Dilanjutkan Kepada :**
**Selasa, 5 Disember 2023**

# KEMBANGKAN KEGIATAN SASTERA DI NBD

**Oleh: Khartini Hamir**
**Foto: Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Sabtu, 28 Oktober. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Sastera dan Majalah pagi tadi mengungkayahkan Pantaran Sastera DBP, 2023 : Bedah Karya, bertempat di Dewan Pateh Berbai, DBP.

Ia juga diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom dan penstriman langsung ke media sosial Facebook DBP.

Hadir dan menyampaikan ucapan alu-aluan ialah Pemangku Pengarah DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin.

Sebanyak dua buah karya sastera diapresiasi melalui dua sesi, iaitu Sesi 1 ialah 'Novel Angin Koperasi', karya Bujang Matnor (Haji Bujang bin Haji Matnor), penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2020, yang dibicarakan oleh Profesor Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.

Sementara Sesi 2 ialah 'Kumpulan Puisi Gelora Pantai II', karya Rahim M.S. (Haji Ibrahim bin Haji Muhammad), penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2001, dibicarakan oleh Timbalan Pengetua St. Andrew, Bandar Seri Begawan, Dr. Chong Ah Fok, juga selaku Ketua Bahagian Sastera dan Bahasa B2K Tutong.

Projek diadakan sebagai usaha mengembangkan kegiatan sastera di Negara Brunei Darussalam (NBD), di samping usaha mengapresiasi karya sastera penulis; mengangkat martabat bahasa Melayu melalui kegiatan sastera; memberi kefahaman dan penghayatan terhadap perkembangan sastera tanah air; menjadi sumber rujukan dan panduan para pelajar, peminat sastera dan memperkaya ilmu pengetahuan dalam bidang sastera yang dibicarakan.

Impak daripada pembicaraan karya sastera oleh penerima S.E.A. Write Award, yang telah dibuat kajian oleh ahli akademik akan dimuatkan dalam jurnal Pangsura, Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara sebagai sumbangan sastera terhadap pembinaan dan pengembangan sastera lokal.



**SESI 1 ialah 'Novel Angin Koperasi', karya Bujang Matnor (Haji Bujang bin Haji Matnor), penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2020, yang dibicarakan oleh Profesor Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.**

Di samping itu juga, projek ini diusahakan bagi memperkenalkan tokoh-tokoh penulis, dan karya sastera tempatan, serta dimanfaatkan bersama oleh para intelektual sastera, pengkaji sastera, penulis sastera dan peminat sastera.

# Art Jam tangani cabaran kesihatan mental

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 Oktober. - Seramai 50 peserta telah menyertai Projek Rethink Mental Health (RMH) The Art Jam anjuran Global Shaper Community (GSCBSB) bagi menandakan penutupan Bulan Kesihatan Mental Sedunia yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, ibu negara, hari ini.

Program tersebut bertujuan untuk mendedahkan orang ramai mengenai pendidikan kesihatan mental melalui bengkel dan sesi berkumpulan dan projek ini disokong oleh pegawai profesional kesihatan mental tempatan.

Sebagai projek lanjutan daripada inisiatif ini, GSCBSB menyusun The Art Jam untuk mempromosikan seni dan kreativiti sebagai medium yang boleh diekspresikan oleh orang ramai secara bebas dan menterjemah fikiran mereka dalam karya kreatif yang nyata.

The Art Jam menawarkan empat sesi, iaitu Bengkel Penulisan oleh Dina daripada Wreckedwith Words dan Eqbal Volinuskhi; Sesi Seni dan Melukis oleh Zati Rahman; dan Sesi Vision Board Creation oleh Nadia Aji.

Dengan adanya kejayaan acara tersebut, Projek RMH berharap akan mengadakan lebih banyak aktiviti ke arah keperluan kesihatan mental sekali gus sama-sama membincangkan secara bebas dan penjagaan serta pendidikannya dengan mudah diakses oleh orang ramai.

Projek RMH meneruskan lagi komitmennya dengan promosi kesihatan mental sehingga akhir tahun, dengan memperbanyakkan lagi bengkel untuk diadakan.

Untuk maklumat lanjut tentang projek yang akan datang dan semua acara akan datang, ikuti @globalshapers.bsb di Instagram dan Eventbrite.





**ANTARA yang menyertai Projek Rethink Mental Health (RMH) The Art Jam anjuran Global Shaper Community (GSCBSB) bagi menandakan penutupan Bulan Kesihatan Mental Sedunia yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, ibu negara (atas dan kanan).**



# TINGKATKAN KESEDARAN PROFESION PEMULIHAN CARA KERJA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





KETUA Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja, Dayang Munirah 'Atirah binti Haji Sahidi dalam ucapannya.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 Oktober. - Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menganjurkan Sambutan Hari Pemulihan Cara Kerja Sedunia 2023 (World Occupational Therapy Day) bertempat di Lobi 5, Hospital RIPAS.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sambutan berkenaan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad.

Sambutan Hari Pemulihan Cara Kerja Sedunia yang lazimnya disambut di seluruh dunia pada Oktober setiap tahun, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap profesion Pemulihan Cara Kerja.

Pemulihan Cara Kerja adalah satu profesion kesihatan yang memberi khidmat kesihatan bagi membantu pesakit untuk melakukan aktiviti seharian seperti penjagaan diri (*self-care*), memandu atau aktiviti riadah.

Tema Sambutan Hari Pemulihan Cara Kerja Sedunia pada tahun ini ialah 'Perpaduan Melalui Komuniti' yang menggariskan pentingnya kerjasama dengan pelbagai pihak dalam masyarakat untuk faedah individu dan komuniti secara keseluruhan.

Sementara itu, Ketua Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja, Dayang Munirah 'Atirah binti Haji Sahidi dalam ucapannya menjelaskan, Pemulihan Cara Kerja memainkan peranan penting dalam membina jaringan sokongan dan membantu individu dalam mengatasi apa-apa rintangan.

Menurutnya, jika masyarakat bersatu, para pesakit yang mengalami kesukaran untuk melakukan aktiviti seharian yang bermakna akan dapat berasa lebih berkebolehan dan mendapat sokongan yang diperlukan.

Pada sambutan berkenaan turut diadakan pameran yang mempamerkan alat-alat terapi dan pelbagai aktiviti daripada perkhidmatan - perkhidmatan



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Pemulihan Cara Kerja Sedunia 2023 (atas dan atas kiri).

kesihatan di bawah Pemulihan Cara Kerja, iaitu Program Pemulihan Jantung; Pemulihan Perubatan Am; Pemulihan Ortopedik; Pemulihan Pediatrik; Pengurusan Luka Bakar; Pengurusan Mastektomi dan Limfedema; dan Penilaian Memandu bagi Orang Kurang Upaya.






# Terus istiqamah mengejar ganjaran pahala



JEMAAH yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran semasa sesi bergambar ramai.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar

**KAMPUNG SUNGAI BESAR,** Ahad, 29 Oktober. - Para jemaah Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran setelah menamatkan bacaan 30 Juzuk di masjid berkenaan.

Hadir menyertai majlis berkenaan, Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit.

Juga hadir ialah Penasihat Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan bacaan surah-surah ayat lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha sehingga An-Nas yang dipimpin oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Sementara itu, Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme membaca Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Selamat.

Tadarus Subuh yang diadakan setiap selepas Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah secara istiqamah berkenaan menjadi ibadah yang sangat besar dengan ganjaran pahala, sekali gus menyumbang kepada kekukuhan hubungan erat dalam kalangan pembaca di samping membantu mengimarahkan lagi masjid berkenaan.

Majlis Khatam Al-Quran Ke-9 bagi Tahun 2023 berkenaan dikendalikan sebagai menzahirkan rasa syukur atas usaha yang berterusan para pembaca untuk menetapi sasaran 'Sebulan Sekali Khatam' sepanjang tahun ini.




# HARI KEUSAHAWANAN KUPU SB : PUPUK MINAT BERNIAGA



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Ilmu Teras dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengungkayahkan Hari Keusahawanan KUPU SB selama dua hari, bermula hari ini hingga Ahad, 29 Oktober 2023 bertempat di kawasan kolej universiti berkenaan.

Hadir pada majlis perasmian Hari Keusahawanan KUPU SB selaku tetamu khas ialah Ahli Majlis KUPU SB, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian tersebut ialah Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; pegawai-pegawai utama, pensyarah-pensyarah dan mahasiswa serta mahasiswi KUPU SB.

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Exco Keugamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar KUPU SB, Awang Mohd Hafizuddin bin Mohd Saldin.

Majlis diteruskan dengan bacaan Asmaul Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah peliharakan Sultan'.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku pengerusi Hari Keusahawanan KUPU SB, antara lain menjelaskan bahawa antara objektif penganjuran adalah untuk memupuk minat berniaga dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB, memupuk semangat kerjasama serta pemikiran yang kreatif dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi, menerapkan nilai-nilai keusahawanan agar pelajar mampu menjadi pemangkin kepada kemajuan negara, memberikan peluang kepada pengusaha dan peniaga dalam kalangan belia untuk berniaga dan memperkenalkan produk mereka.

Jelasnya, Islam amat memandang tinggi terhadap mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan menjadikannya sumber rezeki yang utama.

"Bidang keusahawanan dalam perspektif Islam termasuk dalam ilmu Fardhu Kifayah yang mana ianya bererti tanggungjawab usahawanan amat besar kerana ia merupakan suatu kewajipan menjadikan keusahawanan sebagai menunaikan kewajipan ugama.

"Ia juga adalah merupakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dan para sahabat baginda," terangnya.

Perkara ini katanya, tidak akan tercapai melainkan jika dilaksanakan dengan niat yang soleh dan amalan usahawan itu hendaklah berakhlak mulia di dalam urusan pengusahaan seperti yang telah diberi teladan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Para usahawan tegasnya, hendaklah jujur, amanah dan berakhlak mulia di dalam menjalankan pengusahaannya agar diberikan ganjaran yang besar, dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mempunyai martabat tinggi di sisinya.

Majlis diselajurkan dengan ucapan Perasmian Hari Keusahawanan 2023 oleh tetamu khas majlis.

Turut diadakan ialah Forum Keusahawanan 2023 bertajuk 'Memperkasa Keusahawanan Belia Ke Arah Merealisasikan Wawasan 2035' yang dimudah cara oleh Dr. Haji Noralizam, sekali gus dibincangkan bersama oleh Pengurus Syariah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Muhammad Takzimallah bin Haji Ahmad Sanuddin; Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan; Managing Director The Learner's Bar, Awang Muhammad Ridhwan Hanafi bin Haji Zaini; dan Pengasas Bersama Sudut Space, Dayang Siti Nur Syahmina binti Haji Zaini.

Turut diadakan ialah kira-kira 50 petak jualan dan pameran merangkumi jualan makanan dan minuman, barangan dan pakaian yang disertai oleh warga KUPU SB dan peniaga serta pengusaha luar KUPU SB.

Juga menyertai pameran dan promosi ialah nadi-nadi KUPU SB seperti Nadi Pertanian, Nadi Bahasa Arab dan Nadi al-Qawi al-Amin, juga Al-Huffaz Management dan lain-lain.

Hari Keusahawanan KUPU SB merupakan salah satu program yang termasuk di dalam lapan program kokurikulum yang diperkenalkan kepada para pelajar yang mana program lain termasuk kemahiran teras Perguruan Ugama, pengembangan potensi diri, Kemahiran hayat, khairat kemasyarakatan, pengembangan intelek, kesihatan jasmani, kepimpinan dan partisipasi Hari kebesaran Islam dan Negara.

Orang ramai adalah dijemput dan dialu-alukan untuk datang ke Hari Keusahawanan KUPU SB bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Orang ramai juga boleh menyumbang kepada Peti Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 yang ada disediakan sepanjang Hari Keusahawanan berkenaan.



**AHLI Majlis KUPU SB, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman hadir pada Majlis Perasmian Hari Keusahawanan KUPU SB selaku tetamu khas (atas dan kiri).**



**ANTARA yang hadir pada Majlis Perasmian Hari Keusahawanan KUPU SB.**

# Mesyuarat bincang persiapan Jambori Nasional Ke-5

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG,** Sabtu, 28 Oktober. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Jambori Nasional Ke-5 diadakan bertempat di Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan mengenai kegiatan-kegiatan yang akan dijalankan semasa jambori, kemas kini status tindakan daripada agensi-agensi yang akan terlibat dan juga perjalanan atur cara majlis pembukaan dan penutup rasmi jambori.

Mesyuarat berkenaan dipengerusi oleh Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas.

Hadir sama, Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Jambori Nasional ke-5.

Turut sama hadir ialah wakil-wakil agensi kerajaan yang akan sama-sama menjayakan jambori pada Disember 2023 nanti.

Mesyuarat pada kali ini juga memfokuskan kepada laporan-laporan perkembangan dan persiapan yang sedang giat dilaksanakan oleh pihak Jawatankuasa Kerja Jambori Nasional Ke-5.

Jambori berkenaan adalah merupakan kegiatan perkhemahan yang dihasratkan dapat mengumpulkan ahli-ahli pengakap dari dalam dan luar negeri.

Jambori berkenaan akan diadakan di Bukit Bendera berhampiran dengan Kompleks Sukan Daerah Tutong dan Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Daerah Tutong.

Jambori Nasional Ke-5 akan bermula dari 2 Disember hingga 7 Disember 2023.

PPNBD telah pun menyusun kegiatan-kegiatan yang dapat menjadi daya tarikan para peserta yang terdiri daripada ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda dan Pengakap Remaja di sepanjang jambori berkenaan.

Aktiviti yang dirancang meliputi enam tema utama, iaitu Kemahiran kepengakapan; kebudayaan dan permainan; Sustainable Development Goals (SDGs); lawatan; keagamaan dan kegiatan rutin; dan kegiatan Air.

Kegiatan bagi Ahli Pengakap Dewasa juga turut dirancang seperti perjumpaan pemegang Manikayu dan Indaba.

Aktiviti berkenaan diharap dapat memberi pengalaman yang berharga kepada para peserta dalam dan luar negara nanti agar ia menjadi ristaan.

Pada Jambori itu juga akan diadakan pameran-pameran daripada agensi kerajaan, swasta dan juga NGOs dalam sama-sama memeriahkan Jambori Nasional Ke-5 nanti.



**SEKITAR Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Jambori Nasional Ke-5 diadakan bertempat di Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong (atas dan bawah).**






# Titik beratkan kepentingan menabung

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**ESOK** 31 Oktober merupakan Hari Menabung ASEAN. Sama seperti Hari Menabung Kebangsaan yang disambut setiap tahun di Negara Brunei Darussalam pada setiap 28 Mei, Hari Menabung ASEAN juga menekankan kepentingan menyimpan, celik kewangan dan rangkuman kewangan.

Tahukah awda bahawa Hari Menabung ASEAN juga jatuh pada hari yang sama seperti Hari Menabung Sedunia! Marilah kita meraikan Hari Menabung ASEAN bersama ahli negara-negara ASEAN malah masyarakat dunia pada hari ini.

Hari Menabung ASEAN menitikberatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung selagi awal, berdikari dan menangani isu-isu kewangan secara berkesan.

Budaya menabung adalah bahagian penting dalam menguruskan kewangan individu atau keluarga. Ia juga boleh mengelakkan kita daripada sikap boros dan berbelanja pada yang tidak berfaedah. Pengurusan pendapatan dan perbelanjaan yang baik adalah syarat utama untuk menyimpan wang, terutamanya dengan perbankan dan institusi kewangan. Kelebihan menyimpan pada perbankan dan institusi kewangan antaranya ialah keselamatan simpanan, faedah ke atas simpanan, akses kepada perlindungan undang-undang dan keupayaan untuk merancang masa depan. Malah simpanan ini juga menyumbang kepada keperluan pelaburan sesebuah negara.

Banyak kebaikan yang diperoleh dengan sikap menabung. Menabung merupakan satu cara untuk menyiapkan dana pada masa hadapan. Tabungan juga berperanan untuk menjamin kestabilan kewangan individu.

Bagi golongan ibu bapa yang mempunyai sikap suka menabung pula, ia setentunya memberi contoh tauladan yang baik kepada anak-anak. Maksudnya, sesebuah keluarga yang mengambil berat tentang amalan menabung akan disambung oleh generasi seterusnya pula iaitu anak, cucu, sehinggakan cicit akan turut serta mencontohi perbuatan moyang mereka, bak kata pepatah 'bapa borek, anak rintik'. Bagi anak-anak yang masih kecil diajar untuk menabung dan terbiasa hingga dewasa, ideologi ini setentunya akan diwariskan kepada generasi selepas mereka pula nanti. Oleh itu, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memupuk tabiat menabung dalam kalangan ahli keluarga.

Selain itu dengan sikap menabung pula, ia dapat dijadikan sebagai bank kecil untuk diri sendiri bagi menangani segala masalah yang bakal menimpa kita pada masa akan datang atau kita mengalami hal yang tidak dapat diduga pada kemudian hari. Perkara ini boleh terjadi apabila sesebuah keluarga memerlukan wang untuk melaksanakan bayaran terhadap sesuatu, seperti kemalangan, keperluan dalam menghadapi bencana alam mahupun kematian.

Dengan mempunyai simpanan sendiri juga ia boleh menyelamatkan kita daripada pinjaman yang mengenakan faedah yang mungkin boleh membebankan kita pada kemudian hari.

Namun, menabung bukanlah satu kebiasaan yang mudah untuk setiap individu walaupun sudah mengetahui banyak manfaatnya untuk masa hadapan. Perkara ini akan lebih rumit lagi sekiranya awda tidak mula membiasakan cara menabung yang betul.

Menabung bukanlah tentang berapa nilai wang yang mampu disimpan tetapi konsistensi tabiat menyimpan itu. Jika awda merasa masih sulit untuk menyimpan wang, mungkin ada yang salah dengan cara awda menabung.

Menyimpan wang boleh di mana-mana sahaja sama ada di bank, menabung untuk perlindungan hari tua, menabung di institusi insurans untuk jaminan kesihatan dan lain-lain.

Tetapkan matlamat kewangan yang bijak sama ada menabung untuk mengubah suai rumah, pendidikan anak atau simpanan bagi waktu sukar, menetapkan matlamat kewangan yang bijak akan membantu awda untuk mencapainya. Sebaiknya ketahui jumlah wang yang diperlukan, tetapkan keutamaan dan tempoh jangka masa untuk menabung demi mencapai matlamat tersebut. Pastikan juga matlamat awda adalah khusus, boleh diukur, boleh dicapai, relevan dan tepat pada masanya.

Setelah mengetahui perbelanjaan bulanan awda, susunlah mengikut kategorinya seperti barangan dapur, bil-bil, pengangkutan dan sebagainya. Bagi memudahkan lagi penyediaan bajet, awda bolehlah memuat turun aplikasi mudah alih atau *software* pemantauan perbelanjaan yang dipercayai. Teliti jumlah pendapatan dan perbelanjaan awda secara kerap termasuklah belanja makan minum, barangan rumah dan transaksi kad debit / kredit bagi bulan tersebut.

Kenal pasti perbelanjaan yang tidak penting dan pastikan untuk dapatkan gambaran jelas mengenai perbelanjaan harian dan tabiat perbelanjaan awda. Ini boleh membantu awda mengesan perbelanjaan yang boleh dikurangkan dan meningkatkan simpanan bulanan awda. Kenal pasti perbelanjaan yang tidak mustahak yang boleh dikurangkan seperti hiburan, keahlian, membeli belah dalam talian dan sebagainya. Ingatlah untuk mengutamakan keperluan daripada kemahuan.

Membuka akaun secara berasingan juga satu cara yang baik di mana awda boleh membuat pemindahan wang secara automatik setiap bulan. Hubungi bank awda untuk mengetahui cara-cara untuk membuka akaun dalam talian dan membuat simpanan automatik. Jangan lupa untuk mengutamakan simpanan awda mengikut matlamat kewangan awda. Contoh menyimpan mengikut matlamat kewangan adalah seperti 15 peratus untuk dana kecemasan, 10 peratus untuk pengubahsuaian rumah, 10 peratus untuk pendidikan anak-anak namun tertakluk kepada kebolehan menabung bagi individu tersebut.

Awda juga salurkan lebihan wang awda untuk melunaskan hutang kad kredit atau pinjaman awda setelah mengenal pasti perbelanjaan yang tidak diperlukan. Utamakan hutang yang mempunyai kadar faedah yang tinggi.

Sememangnya tidak terlambat untuk menguruskan kewangan awda dengan betul. Dapatkan nasihat dan bantuan profesional melalui perancang kewangan yang bertauliah dengan menghubungi bank awda bagi mendapatkan nasihat melalui sesi konsultasi.

Ingatlah bahawa menabung sedikit itu lebih baik, daripada tiada langsung. Dengan membuat simpanan juga boleh mengelakkan kita daripada kebergantungan kepada pinjaman. Mental kita juga akan merasa tenang apabila keperluan kita dapat dipenuhi dengan wang simpanan sendiri dan bukan daripada pinjaman.






# Pejabat Pos berfungsi sebagai satu wadah komunikasi

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**
**Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

**SAMBUTAN** Hari Pos Sedunia disambut pada setiap 9 Oktober oleh Negara-negara Ahli Kesatuan Pos Sedunia atau Universal Postal Union (UPU) sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Penubuhan Kesatuan Pos Sedunia dalam tahun 1984 bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai peranan Sektor Pos dalam kehidupan seharian masyarakat dan perniagaan serta sumbangannya kepada pembangunan sosial dan ekonomi global. Selain itu, ianya diraikan untuk memberi penghormatan dan menghargai jasa bakti kakitangan dan warga pos yang berkhidmat dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

### Tema Hari Pos Sedunia

Pejabat Pos berfungsi sebagai satu wadah komunikasi yang padu, inklusif dan menghubung masyarakat. Pada tahun ini, Hari Pos Sedunia disambut dengan tema 'Together For Trust : Collaborating For A Safe and Connected Future'. Memetik isi perutusan sempena Hari Pos Sedunia 2023, yang disampaikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan tema yang dipilih adalah bagi menghargai kepercayaan yang dibina sejak sekian lama melalui komitmen dan kegigihan yang ditunjukkan oleh penyedia perkhidmatan pos dalam menyempurnakan amanah yang diberikan dengan jujur dan selamat. Ini selaras dengan sahutan perkhidmatan sejagat di bawah Universal Sevices Obligations (USO) kepada orang ramai.

### Peranan pos

Pos berperanan sebagai kemudahan awam yang memberikan perkhidmatan penghantaran surat, penjualan setem dan produk filatelik serta perkhidmatan-perkhidmatan mel berdaftar, mel udara atau laut, paket kecil, bungkusan dan peti surat persendirian. Selain itu, perkhidmatan ini juga sering digunakan sebagai alat komunikasi untuk orang ramai berhubung sama ada dari jarak jauh atau dekat. Namun, dengan berkembangnya teknologi yang semakin pesat, ia telah mengubah tabiat komunikasi di antara masyarakat. Wujudnya medium yang lebih canggih, membuatkan masyarakat lebih bergantung kepada telefon bimbit untuk membuat penghantaran teks atau panggilan telefon. Disebabkan itu, penghantaran surat juga mengalami penurunan. Bukan hanya itu, terdapat juga pembelian melalui talian *(online shopping)* menjadi pilihan ramai.

### Arus pemodenan beri cabaran

Dalam arus pemodenan ini, perkembangan perhubungan infokomunikasi dan teknologi memainkan peranan sangat penting dalam memberi perkhidmatan. Selaras dengan tema tahun ini, mengingatkan adanya keperluan bagi penyedia perkhidmatan pos menyesuaikan diri dan berinovasi mengikut peredaran masa supaya mereka kekal relevan dan berkemampuan untuk menyokong perkhidmatan e-Dagang, e-Kerajaan dan e-Kewangan yang semakin berkembang.

Kehadiran media-media baharu seperti internet, WhatsApp, Instagram, Facebook dan sebagainya tidak dinafikan telah memberi cabaran kepada perkhidmatan pos. Namun begitu, ia menjadi satu peluang untuk perkhidmatan pos menaik taraf perkhidmatan terutama dalam pembelian secara talian *(online shopping)* dalam era perkembangan pasaran yang semakin meningkat.

### Terima anugerah

Pada tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Pos di Negara Brunei Darussalam juga telah dianugerahkan Express Mail Service (EMS) Cooperative Customer Care Award bagi 2022. EMS Cooperative merupakan sebuah badan di bawah UPU yang ahli-ahlinya terdiri daripada pengendali pos di seluruh dunia yang bekerjasama untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan rangkaian EMS antarabangsa. Dengan penganugerahan ini terbukti bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos di negara ini juga mampu menunjukkan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan EMS, terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti tinggi.

Untuk terus cemerlang, salah satu tonggak kejayaan bagi perkhidmatan pos adalah kemesraan dan kejujuran warga pos dalam menyampaikan tugas dan amanah kepada masyarakat, di samping sentiasa bersedia dan beradaptasi bagi sebarang perubahan serta sentiasa peka akan peralihan yang dibawa oleh arus peredaran zaman. Sempena Hari Pos Sedunia, marilah kita sama-sama menghargai jasa dan kerja keras perkhidmatan pos dan kakitangan yang siap berkhidmat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik sama ada secara digital mahupun fizikal. Selamat Hari Pos Sedunia kepada warga dan kakitangan perkhidmatan pos.



PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# TANAH RUNTUH : 2 SELAMAT 3 LAGI HILANG DI ACEH, INDONESIA

**JAKARTA**, 29 Okt. - Seramai dua individu berjaya diselamatkan manakala tiga lagi masih hilang dalam kejadian tanah runtuh yang berlaku di jalan Sumatera-Aceh di Bandar Subulussalam, Wilayah Aceh, pada Jumaat malam.

Kejadian di Jalan Lintas Medan berhampiran Kampung Lae Ikan dalam daerah Penanggalan berlaku berikutan hujan lebat pada kira-kira pukul 8.00 malam waktu tempatan, menurut agensi mitigasi bencana Indonesia.

Seorang jurucakap agensi bencana daerah (BPBD) tempatan, Cut Anita berkata tiga individu yang hilang itu ialah dua orang awam dan seorang pegawai polis dari Penanggalan.

"Usaha mencari dan menyelamat mangsa-mangsa yang hilang ini diteruskan di bawah penyelarasan BPBD Subulussalam," menurutnya dalam satu kenyataan.

Serpihan tanah runtuh yang menghalang jalan telah dibersihkan manakala pengguna jalan raya dinasihatkan supaya berhati-hati semasa memandu ketika cuaca hujan kerana risiko tanah runtuh.

Berdasarkan ramalan cuaca agensi meteorologi (BMKG) pada Ahad, cuaca di bandar itu dijangka mendung.

Bagaimanapun, hujan lebat diramalkan pada sebelah petang dengan potensi ribut petir pada sebelah malam.

Agensi itu juga menggesa pihak berkuasa tempatan dan penduduk supaya sentiasa berwaspada kerana potensi hujan lebat yang boleh mengakibatkan banjir, banjir kilat dan tanah runtuh. - ©BERNAMA

## UNGA terima resolusi untuk gencatan senjata segera dan bantuan kemanusiaan di Gaza

**KUALA LUMPUR,** 28 Okt. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada Jumaat menerima resolusi yang menyeru gencatan senjata segera selain bantuan kemanusiaan serta perkhidmatan penting sampai ke Semenanjung Gaza tanpa sebarang halangan.

Menurut aman sesawang Berita PBB Pengundian semasa Sidang Khas Tergempar ke-10 itu menyaksikan resolusi yang ditaja Jordan diluluskan oleh Perhimpunan Agung, dengan 120 undi menyokong, 14 menentang, dan 45 tidak mengundi.

Jordan pada awal sesi itu telah mencadangkan penggantungan hujahan negara-negara anggota pada pukul 3 petang Jumaat (waktu New York), untuk memulakan "tindakan segera" terhadap resolusi draf dan hujahan diteruskan selepas itu. Bagaimanapun, penggantungan hujahan itu dibuat pada 3.40 petang.

Resolusi draf yang diketuai oleh Jordan mengenai krisis itu mendapat sokongan awal daripada lebih daripada 40 Negara Ahli, termasuk Mesir, Oman, dan Emiriah Arab Bersatu.

Kanada sebelum itu mencadangkan sedikit pindaan kepada resolusi itu yang membidas tindakan Hamas terhadap Israel tetapi ia gagal mendapat sokongan yang diperlukan. Undian mengenai pindaan itu adalah 85 menyokong, 55 menentang, dengan 23 tidak mengundi, jadi ia gagal untuk mendapatkan majoriti dua pertiga yang diperlukan.

Resolusi ini antara lain menyeru kepada "gencatan senjata kemanusiaan dengan segera, berkekalan, dan berterusan", serta "menuntut" agar semua pihak mematuhi undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan untuk menyediakan bekalan dan perkhidmatan penting ke Gaza Strip yang "berterusan, mencukupi, dan tanpa halangan".

Sidang tergempar itu diadakan pada 26 Okt sejurus selepas kebuntuan di dalam Majlis Keselamatan dan keadaan yang semakin teruk di dalam Gaza yang terkepung. - ©BERNAMA

## UniMAP sediakan 25 biasiswa khas kepada pelajar Palestin

**KANGAR,** 28 Okt. - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyediakan 25 biasiswa khas kepada pelajar Palestin yang sedang menuntut di universiti itu dalam usaha membantu mereka menjalani pembelajaran dengan lebih selesa.

UniMAP dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan biasiswa itu antaranya melibatkan biasiswa penginapan, yuran pengajian dan wang perbelanjaan harian, sekali gus diharapkan dapat membantu pelajar Palestin yang masih belajar di universiti berkenaan.

Kenyataan itu menyebut komitmen berkenaan dinyatakan Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Ts Dr Zaliman Sauli kepada Duta Palestin ke Malaysia Walid Abu Ali dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur semalam.

"Pelajar Palestin di UniMAP juga akan menerima duit perbelanjaan untuk memudahkan mereka menyara kehidupan harian di samping pengajian," kata Zaliman dalam kenyataan itu.

Zaliman berkata pertemuan itu membincangkan isu dihadapi pelajar Palestin di UniMAP dengan tidak hanya berkomitmen untuk menyediakan bantuan kewangan, malah sokongan emosi dan moral juga diberikan kepada pelajar terlibat.

Selain itu, perbincangan turut memberikan perhatian terhadap musibah yang menimpa seorang pelajar Palestin di UniMAP yang kehilangan seorang ahli keluarga, mencetuskan keprihatinan dan kepedulian daripada pihak universiti.

UniMAP menegaskan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin dan mengecam tindakan kejam Israel, sekali gus mencerminkan semangat solidariti universiti itu dalam memperjuangkan hak asasi manusia dan keadilan global. - ©BERNAMA

## Galak sektor perkilangan terap penggunaan teknologi hijau

**JASIN,** 28 Okt. - Kerajaan Negeri Melaka menggalakkan sektor perkilangan untuk lebih proaktif menerapkan penggunaan teknologi hijau, sekali gus dapat meminimumkan kesan terhadap alam semula jadi dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata usaha itu seperti penggunaan teknologi bersih dan menerapkan elemen pengeluaran bersih bagi setiap penghasilan produk.

"Penerapan teknologi dan proses yang efisien oleh kilang-kilang ini dilihat mampu mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar dan mengurangkan pencemaran.

"Usaha ini sejajar dengan usaha Melaka ke arah sebuah bandar pintar dan teknologi hijau selain sasaran kita mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau atau Greenhouse Gas (GHG) hingga 45 peratus intensiti karbon," katanya kepada pemberita di Politeknik Merlimau di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 peringkat negeri dan turut dihadiri Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri, Rosli Mustafa dan Ketua Eksekutif Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Ismail Hashim.

Mengulas lanjut, Rais berkata kerajaan negeri juga komited dalam menyokong program-program berbentuk kemasyarakatan dan kesukarelawanan seperti aktiviti gotong-royong bagi menggalakkan orang ramai terus mengekalkan kebersihan, keindahan dan keceriaan alam sekitar.

Beliau berkata selain itu, pelbagai organisasi seperti jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat multinasional, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) turut memberi komitmen dengan program Rakan Strategik Alam Sekitar.

"Ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk melibatkan semua sektor serta komuniti setempat bagi menjayakan program kesedaran terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Sementara itu, Rais berkata cadangan pembinaan Loji Sisa ke Tenaga (WTE) atau insinerator di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang kini di peringkat terakhir kelulusan dan hampir pasti dapat direalisasikan.

Beliau berkata pihaknya amat berharap pembinaan loji baharu itu dapat diluluskan memandangkan tapak pelupusan sedia ada kini semakin sesak.- ©BERNAMA

## Terbuka Perancis : Tze Yong tewas kepada Shi Feng dalam saingan separuh akhir

**KUALA LUMPUR**, 29 Okt. - Pemain badminton perseorangan lelaki negara Ng Tze Yong masih terus gagal menundukkan pemain China Li Shi Feng dalam pertembungan mereka sehingga kini, dengan yang terbaru kemaraan beliau disekat oleh Shi Feng dalam saingan separuh akhir Terbuka Perancis 2023 di Rennes, Sabtu.

Dalam perlawanan yang berlangsung selama 47 minit di Arena Glaz itu, pemain bukan pilihan Tze Yong, kalah kepada pemain pilihan kelapan Shi Feng dengan 17-21, 12-21.

Pada perlawanan akhir bagi merebut gelaran juara nanti, Shi Feng akan berentap dengan pemain pilihan kelima Jonatan Christie, yang telah menewaskan bekas juara dunia 2021 dari Singapura Loh Kean Yew dengan 21-18, 21-13.

Ini merupakan kekalahan Tze Yong buat kali kelima berturut-turut di tangan Shi Feng sejak pertembungan mereka yang pertama pada tahun 2017 dalam Kejohanan Badminton Remaja Asia di Indonesia.

Pencapaian terbaik Tze Yong tahun ini ialah pada Terbuka Artik 2023 di Vantaa, Finland, apabila beliau menamatkan saingan dengan gelaran naib juara selepas tewas kepada rakan senegara Lee Zii Jia, 14-21, 15-21, baru-baru ini. - ©BERNAMA

## Seorang maut dalam letupan di perhimpunan keagamaan di Kerala, India

**NEW DELHI**, 29 Okt. - Seorang maut manakala puluhan lagi cedera dalam beberapa siri letupan di sebuah pusat konvensyen di negeri Kerala, India pada pagi Ahad.

Letupan itu berlaku semasa majlis keagamaan penganut mazhab Jehovah's Witnesses di kawasan Kalamassery di Kochi.

Saksi memberitahu media tempatan, letupan pertama berlaku pada kira-kira pukul 9.30 pagi diikuti dua lagi letupan beberapa minit kemudian.

Ketua Menteri Kerala, Pinarayi Vijayan berkata polis sedang mengumpul maklumat berhubung kejadian itu.- ©BERNAMA

## Sekurang-kurangnya 21 maut dalam kebakaran di lombong arang batu di Kazakhstan

**BERLIN**, 28 Okt. - Sekurang-kurangnya 21 pekerja maut dalam kebakaran di lombong arang batu di Kazakhstan, lapor agensi berita Jerman dpa.

Seramai 23 lagi pelombong disenaraikan sebagai hilang susulan insiden yang berlaku di bandar perindustrian Karaganda, kata syarikat Arcelormittal.

Menurut syarikat multinasional itu, seramai 208 daripada 252 pekerja terselamat.

Pada Ogos lalu, kemalangan maut berlaku di satu daripada lombong milik syarikat yang sama.

Sebuah suruhanjaya yang ditubuhkan kerajaan mendapati syarikat itu perlu bertanggungjawab atas insiden berkenaan.

Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokayev dilaporkan telah mengarahkan kerajaan untuk menamatkan kerjasama pelaburan dengan Arcelormittal.- ©BERNAMA

## Taufan Otis badai Mexico ragut 27 nyawa

**BANDARAYA MEXICO**, 28 Okt. - Sekurang-kurangnya 27 orang maut manakala empat lagi hilang selepas taufan Otis melanda sekitar pusat peranginan Acapulco pada Rabu, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Pencarian mangsa yang hilang masih diteruskan oleh waris mereka menerusi rangkaian media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan platform X.

Sementara itu, kerajaan tempatan dan organisasi berkaitan menyediakan perkhidmatan untuk orang ramai membuat laporan mengenai individu hilang.

Hotel, restoran dan pusat beli-belah di Acapulco rosak teruk dan kejadian rompakan turut dilaporkan berlaku, mengakibatkan kerugian berjumlah US$15 bilion.- ©BERNAMA

# JERAYAWARA TINGKAT KESEDARAN BUAH PINGGANG





PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa menyertai sesi pemanasan badan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas), manakala gambar kiri, Acara Riadah Berbasikal sejauh 16km.

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Ahad, 29 Oktober. - Sebagai acara susulan kepada Majlis Pelancaran Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua bersempena dengan Hari Buah Pinggang Sedunia Tahun 2023 yang telah diadakan pada Mei lalu, Kementerian Kesihatan telah melaratkan jerayawara berkenaan pada hari ini ke Daerah Tutong dengan mengadakannya di kawasan Hua Ho Petani Mall, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara ini ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Turut hadir, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai kerajaan.

Majlis yang juga dianjurkan bersama dengan Jabatan Daerah Tutong ini telah dimulakan dengan sesi pemanasan badan dan diteruskan dengan Acara Riadah Berbasikal sejauh 16km dan Fun Walk Cosplay sejauh 3.2km.

Antara aktiviti yang diadakan semasa jerayawara ini termasuk Pameran Kesihatan Buah Pinggang; Pemeriksaan kesihatan percuma; Coffee Talk bersama Pegawai Perubatan; Demo Masakan Makanan Sihat; Pertandingan Mewarna dan permainan serta kuiz.

Sebagaimana jerayawara - jerayawara yang telah diadakan di daerah-daerah lain, jerayawara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang serta masalah yang berkaitan dengannya.

# Pupuk kesedaran peserta, manfaat kepentingan kegiatan fizikal

**Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**





HSN Fitness dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Sengkurong dan Sekolah Rendah Sengkurong semasa mengadakan FITNESS4U (atas dan kanan).

**SENGKURONG**, Ahad, 29 Oktober. - HSN Fitness dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Sengkurong dan Sekolah Rendah Sengkurong mengadakan FITNESS4U di kawasan padang sekolah rendah berkenaan, pagi tadi.

Acara turut disokong oleh Pusat Promosi Kesihatan (HPC) dan Pusat Perubatan Jerudong Park Gleneagles (Gleneagles JPMC) di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL).

Hadir selaku tetamu kehormat, Penasihat Perhubungan Pelanggan Gleneagles JPMC, Pengiran Nor Ikhsan binti Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Antara yang hadir pada acara berkenaan ialah Pemangku Ketua Kampung Sengkurong, Awang Abd. Razak bin Haji Ismail selaku wakil Penghulu Mukim Sengkurong; dan Guru Besar Sekolah Rendah Sengkurong, Dayang Rasmiah binti Haji Abang.

Acara seumpamanya diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada para peserta mengenai manfaat dan kepentingan kegiatan aktiviti fizikal bagi kesihatan selain untuk menyokong para peserta atau mana-mana individu yang ingin melibatkan diri dalam perkongsian aktiviti fizikal yang sesuai dengan budaya kitani.

Selain itu, ia juga sebagai salah satu usaha untuk mengumpul para penduduk di Mukim Sengkurong khasnya dan Brunei dan Muara amnya bagi menyertai gaya hidup yang sihat.

Para peserta yang mengikuti aktiviti yang diadakan terdiri daripada warga awam termasuk warga emas, dewasa, remaja dan kanak-kanak.

Antara aktiviti yang diadakan adalah Low Impact Tabata, Senamrobik, Kids Bootcamp, cabutan undian bertuah dan Cabaran Larian Berhalangan yang semuanya dibukakan kepada penyertaan orang ramai secara percuma.

Di samping itu, acara berkenaan turut dimeriahkan lagi dengan jualan secara kecil-kecilan yang dibukakan kepada para pengusaha kecil dan sederhana juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang bertujuan untuk mempamerkan produk mereka.

Pelita Brunei




ePaper Pelita Brunei

# HARI SUKAN ASEAN : PUPUK PERPADUAN, PERSEFAHAMAN MASYARAKAT ASEAN



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai senamrobik pada Sambutan Hari ASEAN Ke-56 tahun ( kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat melawat pameran dan pertunjukan permainan tradisi negara-negara ASEAN.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 Oktober. - Sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-56 Tahun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kedutaan ASEAN di Negara Brunei Darussalam pagi tadi menganjurkan Hari Sukan ASEAN 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hari Sukan ASEAN berkenaan merupakan komitmen semua negara ahli ASEAN yang telah dipersetujui semasa Senior Official Meeting on Sports (SOMS) yang berlangsung pada November 2018 di Myanmar.

Ia diraikan setiap 8 Ogos dengan tujuan untuk mengeratkan persahabatan dan memupuk perpaduan; persefahaman dan kerjasama dalam kalangan masyarakat ASEAN.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi daripada negara-negara ASEAN; Setiausaha Tetap-setiausaha tetap; Timbalan Setiausaha Tetap dan para pegawai kanan dari kementerian-kementerian.

Acara dimulakan dengan senamrobik, diikuti dengan acara Walkaton beramai-ramai yang turut disertai oleh tetamu kehormat.

Antara aktiviti yang turut diketengahkan pada Hari Sukan ASEAN berkenaan ialah pameran dan pertunjukan permainan tradisi negara-negara ASEAN.

Penyertaan acara berkenaan dibukakan kepada orang ramai termasuk komuniti ASEAN secara percuma.

Hari Sukan ASEAN pada tahun ini merupakan kali kedua ia diadakan. Hari Sukan ASEAN berkenaan buat julung kalinya diadakan pada 2019 di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas.

# Sekolah Menengah Chung Hwa BSB johan Festival Netball Shooting



**PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pada Festival Netball Shooting Sekolah-sekolah Rendah Brunei Darussalam Kali Ke-2 Tahun 2023.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Ahad, 29 Oktober. - Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan (BSB) merangkul johan pada Festival Netball Shooting Sekolah-sekolah Rendah Brunei Darussalam Kali Ke-2 Tahun 2023 yang diadakan di Dewan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C), Kampung Lambak Kanan, di sini, pagi tadi.

Sementara itu, naib johan disandang oleh Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun, Kiulap; dan tempat ketiga dimenangi bersama oleh Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun dan Sekolah Rendah Pengkalan Batu, Limau Manis.

Pada perlawanan peringkat akhir menyaksikan Sekolah Menengah Chung Hwa BSB berjaya mengalahkan Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun, Kiulap dengan kutipan mata 90-60. Sementara Ayana Lim Li Qiao dari Sekolah Menengah Chung Hwa BSB juga turut dinobatkan sebagai Penjaring Terbaik.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Festival Netball Shooting Sekolah-sekolah Rendah Brunei Darussalam Kali Ke-2 Tahun 2023 adalah anjuran Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum diadakan selama tiga hari iaitu pada 22, 27 dan 29 Oktober 2023.

Seramai 406 murid perempuan daripada 58 pasukan / sekolah yang terdiri daripada sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta serta sekolah di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyertai festival berkenaan.

Antara tujuan ia diadakan adalah untuk menggalakkan penyertaan melalui *play and learn* sukan Bola Jaring dalam kalangan para pelajar peringkat rendah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMBIL LANGKAH PROAKTIF CEGAH STROK